Pelita Brunei
ڤليتا بروني
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ڤتيقن تيته

**PETIKAN TITAH**

"SETIAP perubahan atau perkembangan dunia, biasanya turut dirasakan bahangnya oleh semua pihak, termasuk juga kita di negara ini, kerana kita juga adalah sebahagian daripada warga dunia itu. Bahang tersebut meliputi sudut-sudut sosiopolitik, sosioekonomi dan sosiobudaya. Kewajipan kita dalam menghadapi bahang seperti ini, supaya tidak gelabah, tetapi perlu untuk banyak-banyak bertenang dan bersikap lebih bijaksana."
- Titah Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-69 Tahun pada 15 Ogos 2015.

مانيسڽ ايمان

**MANISNYA IMAN**

"ALLAH meninggikan darjat orang-orang yang beriman! Di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama dari kalangan kamu beberapa darjat. Dan ingatlah Allah maha mendalam pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mujaadallah, ayat 11).

TAHUN 60 / BILANGAN 102 | 26 OGOS 2015 / 1436 ذوالقعدة 11 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# Pengguna harus peka dengan peraturan jalan raya

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar ketika meninjau kawasan Lebuhraya Tutong- Muara.

**LUGU**, Selasa, 25 Ogos. - Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) akan terus berusaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terutama pengguna jalan raya dan keselamatan jalan raya.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menjelaskan demikian ketika meninjau kawasan Lebuhraya Tutong Muara di sini.

Menteri Perhubungan menjelaskan bahawa dalam statistik terdapat dua kejadian yang melibatkan kematian di kawasan lebuh raya. Salah satunya kemalangan yang baru-baru ini berlaku sehingga melibatkan kematian pada hari Isnin lalu.

Ketika kejadian berlaku beberapa keping gambar yang mengerikan telah disebar-sebarkan. Perkara sebegini, tegas Yang Berhormat, tidak sepatutnya terjadi kerana kita harus menghormati keadaan keluarga mangsa tersebut.

Seterusnya Yang Berhormat berharap agar para pemandu akan sentiasa mematuhi segala peraturan-peraturan dan undang-undang ketika berada di jalan raya dan sentiasa bersikap bertolak ansur bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

"Kita mestilah sentiasa peka dan ingat akan beberapa aspek-aspek di jalan raya seperti jangan menggunakan telefon bimbit ketika memandu, jangan mengekori kenderaan di hadapan terlalu dekat, mengikut had laju di jalan raya yang telah diterapkan," ujar Yang Berhormat.

Menurutnya, para pemandu dinasihati agar sentiasa mematuhi peraturan-peraturan jalan raya yang telah ditetapkan dan jangan memandu ketika dalam keadaan mengantuk.

Menyertai Yang Berhormat dalam tinjauan itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof, selaku Pengerusi MKJR dan Pengarah Jabatan Siasatan Kawalan Lalulintas, Penguasa Kanan Polis Awang Azahari bin Haji Awang Besar.



Muka 3
PROGRAM intervensi penting bantu pelajar tingkatkan pencapaian



Muka 5
TERIMA kunjungan hormat Ketua Bank Islam Sohar Islamic

## BSb bermula 7 Disember 2015

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 24 Ogos. - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri akan menganjurkan 'Brunei Salebration (BSb) 2015' bermula dari 7 Disember 2015 hingga 8 Februari 2016.

BSb 2015 yang akan berlangsung selama 64 hari ini dihasratkan untuk menyumbang ke arah matlamat bagi meningkatkan kegiatan ekonomi negara menerusi harga jualan murah yang menarik, di samping menggalakkan orang ramai, khususnya penduduk Negara Brunei Darussalam, untuk membeli-belah di negara ini.

Semua peserta-peserta BSb akan menawarkan potongan harga tidak kurang 20 peratus ke atas. Sekurang-kurangnya 60 peratus daripada semua stok barangan yang dipamerkan di premis akan ditawarkan potongan harga kecuali peserta gedung-gedung perniagaan mengikut kategori barangan.

Bagi stok barangan yang melebihi 60 peratus, potongan harga selebihnya boleh ditawarkan di antara 20 peratus ke 10 peratus, kedai-kedai dikehendaki memberikan promosi sampingan seperti belian-atas-belian (BAB), hadiah, boucer, kupon dan sebagainya yang bersesuaian dan berfaedah.

Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 9 (1) di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah), 2012, setiap barangan jualan dikehendaki mempamerkan tanda harga yang jelas dan nyata. Bagi BSb 2015, setiap barangan yang ditawarkan dikehendaki mempunyai dua tanda harga iaitu harga asal dan harga berdiskaun.

Setiap peserta akan menerima notis penyertaan dari JPKE yang mesti dipamerkan di kawasan perniagaan masing-masing supaya mudah dilihat oleh para pengunjung.

Orang ramai diharap akan terus memberi sokongan kepada BSb 2015 serta sentiasa berhati-hati dan bijak berbelanja dengan membuat perbandingan harga barang-barang berkenaan.

Tarikh terakhir bagi penerimaan permohonan Acara Harga Jualan Murah bagi syarikat perniagaan yang masih mempunyai kuota jualan ialah pada 7 Oktober 2015.

Di samping itu, syarikat perniagaan tidak dibenarkan untuk mengadakan mana-mana acara harga jualan murah 30 hari sebelum bermulanya acara BSb 2015.

Pendaftaran bagi BSb 2015 mula dibukakan untuk semua perniagaan yang mana borang permohonan BSb 2015 dan garis pandu penyertaan boleh dimuat turun dari laman *web* JPKE, iaitu *www.depd.gov.bn* atau datang terus ke Pejabat JPKE. Borang yang lengkap hendaklah dikembalikan tidak lewat sebelum 12 November 2015.

Sebarang aduan mengenai pengendalian harga jualan murah yang tidak betul atau meragukan oleh peserta BSb 2015, orang ramai disarankan menghubungi JPKE melalui talian Hotline 2230223 semasa waktu bekerja atau memberikan maklum balas melalui Facebook *www.facebook.com/AduanPengguna-JPKE* atau melalui e-mel *aduanpengguna@jpke.gov.bn.*

Bagi memudahkan penyiasatan dijalankan ke atas aduan tersebut, maklumat-maklumat seperti nama kedai, jenis barang, harga, tarikh dan resit belian hendaklah diberikan dan setiap borang aduan perlu ditandatangani (jika memerlukan ganti rugi atau pembaikan).

## Festival Hari Belia 2015:

# Tawarkan peluang keusahawanan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 21 Ogos. - Festival Hari Belia 2015 anjuran Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan diadakan selama empat hari bermula 3 hingga 6 September 2015 bertempat di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Pelbagai peluang keusahawanan akan ditawarkan sepanjang festival itu nanti yang merupakan satu platform terbaik bagi para belia menjana ekonomi. Peluang tersebut dibukakan khusus bagi para belia terutama mereka yang sedang mencari pekerjaan.

Lebih 70 petak gerai dan bazar jualan telah disediakan untuk disewa dengan harga yang berpatutan iaitu 30 petak bazar untuk orang awam; 24 petak untuk usahawan muda tempatan dan 20 petak untuk gerai makanan.

Ke muka 24

# Majlis Resepsi Hari Kebangsaan Ke-70 Republik Indonesia



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Resepsi sempena Hari Kebangsaan Ke-70 Republik Indonesia (atas), sementara gambar bawah, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nurul Qomar ketika memberikan ucapan dalam majlis tersebut.




Oleh :
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Borneo Bulletin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 24 Ogos. - Sempena Hari Kebangsaan Ke-70 Republik Indonesia, Kedutaan Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam mengadakan Majlis Resepsi yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Resepsi tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nurul Qomar dalam ucapannya antara lain berkata, sepanjang 70 tahun Indonesia telah melalui pelbagai cabaran sehingga menjadi apa yang kita lihat pada hari ini yang mana sebagai sebuah negara, Indonesia telah mengatasi perpecahan dalaman, masalah ekonomi dan juga ancaman perpecahan negara.

Hari ini, jelasnya, Indonesia terus berdiri megah dan bersatu sebagai sebuah negara yang terus membangun serta aman makmur demi rakyatnya.

Terdahulu lagu kebangsaan kedua-dua buah negara dimainkan, diikuti dengan bacaan doa selamat.

Seterusnya, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Puan Yang Terutama memotong kek sempena Hari Kebangsaan Ke-70 Republik Indonesia.

## Perkhidmatan Pergigian semasa cuti persekolahan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 24 Ogos. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa waktu Perkhidmatan Pergigian Bagi Pesakit Kanak-Kanak semasa cuti persekolahan Penggal III 2015 akan diteruskan semasa cuti persekolahan pada 21 hingga 28 Zulkaedah 1436 Hijrah bersamaan 5 hingga 12 September 2015 Masihi (kecuali hari Jumaat dan hari Ahad dan hari Kelepasan Awam).

Pendaftaran boleh dibuat di Tingkat 1, Blok 'A', Pusat Pergigian Negara, Lapangan Terbang Lama, Berakas dari pukul 7.45 pagi hingga 10.00 pagi dan 1.30 petang hingga 3.00 petang.

Bagi pesakit kanak-kanak yang memerlukan rawatan lanjut, mereka dinasihatkan untuk menyambung atau meneruskan rawatan di Klinik-Klinik Pergigian mengikut tadahan yang telah ditetapkan.

Semasa cuti persekolahan, Perkhidmatan Pergigian di Pusat-Pusat Kesihatan dan Klinik-Klinik Kesihatan bagi pesakit kanak-kanak adalah dibuka seperti biasa.

## Dari Sidang Pengarang.

24 OGOS 2015 BERSAMAAN 1436 ذوالقعدة 11

### BANGGA AKAN BAHASA TANGGUNGJAWAB BERSAMA

**KEBANGGAAN** bahasa sesebuah bangsa, masyarakat mahupun puak masing-masing jelas nampak jika bahasa itu masih diguna dan dipraktikkan dalam pertuturan harian, pendidikan, pentadbiran mahupun semasa dalam sesuatu majlis bersama. Namun tugas dan tanggungjawab untuk menghidupkan bahasa dalam sesebuah bangsa, masyarakat atau puak adalah tanggungjawab bersama.

Pihak kerajaan pada dasarnya bertanggungjawab dalam mendaulat dan menjadikan bahasa rasmi misalnya dalam sesebuah negara itu terus digunakan dalam pendidikan dan juga pentadbiran negara berkenaan. Namun tugas dan tanggungjawab pengaplikasian dan penggunaannya perlulah digalas bersama oleh bangsa, masyarakat mahupun puak berkenaan sendiri.

Pihak berkenaan dan yang berkepentingan lainnya juga perlu berganding bahu bersama pihak-pihak bukan kerajaan dalam sama-sama berusaha mendaulat dan menjadikan bahasa jiwa bangsa, iaitu bahasa Melayu di negara ini didaulat dan dijadikan seperti yang dikehendaki, diingini dan diimpikan. Usaha dalam mendaulatkan bahasa bukan usaha yang ringkas dan mudah untuk dilaksanakan.

Kempen-kempen yang telah diusahakan dalam mempromosi dan mendaulatkan bahasa Melayu di negara memang menggalakkan. Penyertaan setiap lapisan masyarakat bermula daripada ibu bapa di rumah hingga guru-guru adalah perlu. Ibu bapa atau penjaga kanak-kanak bolehlah mengajar, membudaya dan mempraktikkan penggunaan bahasa yang betul dalam kalangan anak-anak mereka semasa di rumah.

Sememangnya janggal untuk dilaksanakan, namun usaha berkenaan mampu membantu anak-anak kita dalam pembelajaran mereka di sekolah. Perkataan dan penggunaan peribahasa misalnya, dapat meningkat dan memperbaiki kelemahan anak-anak dalam mata pelajaran Bahasa Melayu terutama dalam karangan mahupun esei mereka.

Manakala di sekolah, guru-guru mahupun rakan sebaya mereka berperanan dalam sama-sama mendaulatkan bahasa bagi sesebuah bangsa, masyarakat dan puak adalah saling memerlukan kerjasama yang berterusan dan jitu daripada pengguna bahasa sendiri hingga kepada penggubal bahasa berkenaan serta pihak yang berkepentingan.

Penggunaan bahasa yang betul tidak terhad pada waktu pejabat sahaja, namun ia boleh dilaratkan apabila kita berada di rumah atau sebagainya. Tujuan bukan untuk beradu kepandaian, menunjuk pandai atau sebagainya, namun ia sebagai salah satu usaha kita menyokong akan usaha mendaulatkan bahasa dalam kalangan masyarakat kita.

Sikap pengguna bahasa juga memainkan peranan dalam keberkesanan dan kejayaan sesuatu kempen berkenaan. Jika pengguna sendiri mempunyai sifat endah tak endah akan bahasa rasmi sendiri, maka tidak mustahil sebaik dan semantap mana kempen yang dijalankan oleh pihak bertanggungjawab, pasti tidak akan menemui titik sasaran yang dikehendaki.

Sifat bangga akan bahasa sendiri memainkan peranan dalam keberkesanan dalam kempen mendaulatkan bahasa berkenaan. Apabila pengguna mempunyai rasa bangga akan bahasa mereka, tidak mustahil kempen berkenaan akan berjaya. Tidak jadi masalah jika kita ingin menguasai bahasa lain, namun perlu juga diingat bahawa bahasa kita adalah jiwa kita, di mana setiap bangsa pasti akan bangga jika bahasa mereka dapat ditutur dan digunakan oleh bangsa lain.

Apatah lagi jika bahasa mereka menjadi salah satu bahasa dunia dan digunakan oleh setiap lapisan bangsa di dunia ini sebagai salah satu cara mereka berkomunikasi. Bayangkan setiap orang berusaha untuk belajar dan mengusai bahasa berkenaan semata-mata ingin menjadi salah seorang daripada lawan bertutur mereka.

Asal usul bahasa pastinya akan menjadi bualan dalam kalangan pelajar, pendidik malahan cendekiawan ilmu. Bagaimana satu bahasa boleh menghubungkan sesuatu bangsa atau masyarakat yang datang daripada latar belakang yang berbeza.

Kerjasama, rasa tanggungjawab, sifat dan rasa bangga pengguna akan bahasa serta usaha berterusan pihak berkenaan dalam sama-sama mendaulatkan bahasa adalah penting dan saling memerlukan di antara satu sama lain. Jika semuanya saling membantu pastinya usaha murni yang diusaha akan berjaya.

Bahasa Melayu bahasa rasmi negara, tanai dan daulatkannya sebagai bahasa utama, digunakan sama ada dalam pertuturan harian, pendidikan dan pentadbiran negara, agar bahasa rasmi kita sentiasa dan akan bertahan lama, bukan sekadar untuk satu tempoh masa yang ada tarikh luputnya. **- Ketua Penyuntingan (Nb).**




SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

**Pemberitaan/Rencana**
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Haji Mahhmud Hafidzie Haji Ali Mashod,
Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani

**Ketua Bahagian Pelita Brunei**
Sastra Sarini Haji Julaini
**Ketua Penyuntingan**
Musa Mohidin,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Muhammad Rainie Haji Durani
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar
**Penyemakan**
Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz
**Juruteknik Foto**
Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

**Penyuntingan**
Samle Haji Jait,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar
**Penterjemahan**
Hajah Musmariani Haji Mohammad
**Pereka Letak**
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar

| AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214 |
|---|---|---|---|---|---|

# Program intervensi penting bantu pelajar tingkatkan pencapaian

Oleh : Siaran Akhbar Kementerian Pendidikan

**TUTONG**, Sabtu, 22 Ogos. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong mengadakan lawatan kerja di dua buah sekolah rendah kerajaan di Daerah Tutong, iaitu Sekolah Rendah Tumpuan Telisai (SRTT) dan Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya Sengkarai (SRPDNPJS).

Turut menyertai rombongan ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.

Lawatan kerja Yang Berhormat Menteri Pendidikan bermula di SRTT, Tutong.

Ketibaan Yang Berhormat dan rombongan dialu-alukan oleh Guru Besar sekolah berkenaan, Awang Md. Ali bin Haji Nudin dan Ketua Kluster 5, Awang Aliuddin bin Haji Abd. Rahman.

Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat mengenai profil dan pencapaian sekolah berkenaan yang disampaikan oleh Guru Besar sekolah.

Semasa sesi perbincangan, Yang Berhormat menyentuh mengenai kepentingan program intervensi dalam sama-sama membantu meningkatkan pencapaian para pelajar dengan memberi tumpuan khusus pembelajaran di Tahun 6.

Yang Berhormat juga menyarankan dalam usaha bagi mendukung hasrat dan tujuan program ini tercapai, kerjasama yang padu daripada semua pihak khususnya para guru dan ibu bapa adalah amat diperlukan lebih-lebih lagi dalam memastikan kedatangan pelajar-pelajar ke sekolah secara konsisten.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan berserta rombongan seterusnya melawat beberapa buah bilik darjah pendidikan rendah termasuk pendidikan awal kanak-kanak sekolah berkenaan bagi menyaksikan pembelajaran yang sedang berjalan.

Semasa berada di dalam bilik darjah, Yang Berhormat mengambil kesempatan untuk berinteraksi dengan beberapa orang pelajar.

Dari SRTT, Yang Berhormat serta rombongan seterusnya membuat lawatan ke SRPDNPJS, Tutong.

Ketibaan Yang Berhormat dan rombongan dialu-alukan oleh Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Hajah Katijah binti Haji Idris.

Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat mengenai profil dan pencapaian sekolah berkenaan yang disampaikan oleh Guru Besar sekolah tersebut.

Lawatan bertujuan bagi mengetahui perjalanan sekolah serta kelancaran pengajaran dan pembelajaran sekolah khususnya dalam pelbagai program-program intervensi yang dijalankan oleh pihak sekolah dalam memberikan pendidikan yang berkualiti kepada para pelajar sekolah khususnya murid-murid pelajar-pelajar yang akan menghadapi Penilaian Sekolah Rendah (PSR).

Turut menyertai rombongan lawatan ialah Ketua Pengarah Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahim bin Derus; Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Awang Zaman bin Haji Gapar; Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awang Haji Rahman bin Haji Nawi serta ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan.



**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa membuat lawatan ke Sekolah Rendah Tumpuan Telisai.**



**LAWATAN Yang Berhormat Menteri Pendidikan ke Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya Sengkarai.**

# MSPSBS juara koir keputeraan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 22 Ogos. - Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) muncul juara pada Peringkat Akhir Pertandingan Koir Sekolah-Sekolah Menengah, Maktab-Maktab dan Pusat Tingkatan Enam sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69.

Juara berjaya mengumpul markah 90 peratus dengan mengalahkan Sekolah Saint George yang memperolehi markah sebanyak 88.36 peratus yang naib juara, diikuti oleh Sekolah Menengah Seri Mulia Sarjana tempat ketiga dengan markah 87.82 peratus.



**SALAH sebuah pasukan yang menyertai Pertandingan Koir.**

Hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah pada pertandingan yang berlangsung di pentas perayaan berhadapan Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja, di sini ialah Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Azis bin Haji Nayan.

Pertandingan yang merupakan anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Akli dengan kerjasama Sekolah Saint George ini antara lain bertujuan untuk mendidik dan membentuk pasukan-pasukan koir daripada kalangan pelajar bagi keperluan-keperluan semasa, baik untuk dalam mahupun luar negara.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mendorong para pelajar untuk berani beraksi di hadapan khalayak ramai dan mencungkil bakat yang ada pada mereka dalam teknik pemecahan vokal dan harmoni.

Pertandingan berkenaan juga dihasratkan untuk memberi peluang kepada para pelajar berinteraksi dan bergaul dalam suasana yang harmoni dengan tujuan untuk membina sifat serta peribadi yang positif dan berdisiplin.



**PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Azis bin Haji Nayan ketika hadir dan menyaksikan Pertandingan Koir Sekolah-Sekolah Menengah, Maktab-Maktab dan Pusat Tingkatan Enam.**

Sebanyak 23 buah sekolah menengah, maktab-maktab dan pusat tingkatan enam menyertai pertandingan ini pada peringkat awal dan hanya enam buah pasukan sahaja yang mara ke peringkat akhir ini.

Majlis diserikan dengan persembahan tarian daripada pelajar-pelajar Sekolah Saint George.

# 40 pelajar sertai kursus sivik

Berita dan Foto : Dk. Effa Ryina Pg. Hamdani

**KUALA BELAIT**, Sabtu, 22 Ogos. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan menganjurkan Perkampungan Sivik Mahasiswa-Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Tahun 2015 Kali Kedua bertempat di Mukim Labi, Daerah Belait.

Program itu dianjurkan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).



**PESERTA Kursus Sivik mendengarkan taklimat dari Jabatan Keselamatan Dalam Negeri diadakan di Dewan Serbaguna Mukim Labi.**

Program pada hari pertama dimulakan dengan Taklimat Fungsi dan Peranan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri yang disampaikan oleh wakil dari Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, JPM.

Taklimat diadakan bertempat di Dewan Serbaguna Mukim Labi.

Peserta perkampungan juga mengadakan kerja-kerja amal dan menghulurkan bantuan berupa makanan asasi dan wang tunai kepada seorang warga emas penduduk Mukim Labi, Dayang Siti Fatimah binti Abdullah di Kampung Mendaram Kecil.

Seramai lebih 40 peserta perkampungan mengikuti Program selama enam hari termasuk mahasiswa-mahasiswi yang belajar di dalam dan luar negara, mahasiswa-mahasiswi daripada UBD, UNISSA dan KUPU SB.



**SEBAHAGIAN daripada peserta Kursus Sivik melakukan kerja amal di Mukim Labi.**

Perkampungan Sivik merupakan acara tahunan Jabatan Penerangan yang telah diperkenalkan sejak tahun 1976.

Ia bertujuan bagi mahasiswa-mahasiswi supaya untuk pandai berdikari, di samping memantapkan rohani, fizikal dan ilmu pengetahuan bagi mengukuhkan benteng pertahanan agar lebih kental dalam berhadapan dengan cabaran sebagai seorang pelajar.

Taklimat diteruskan pada sebelah malam, bertajuk 'Sejarah Pemerintahan dan Struktur Pemerintahan dan Pentadbiran Negara' daripada Jabatan Penerangan, JPM.

Taklimat berkenaan telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.

# Persembahan keagamaan serikan perayaan Hari Keputeraan

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd.Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 20 Ogos. - Persembahan malam bercorak keagamaan sempena perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 bagi Daerah Brunei dan Muara diadakan malam tadi di Pentas Perayaan, kawasan letak kereta berdepanan dengan Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof dan Datin.

Atur cara didahului dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dipimpin oleh Awang Haji Abdullah bin Haji Sahat.

Berbagai-bagai persembahan disampaikan oleh murid-murid berkeperluan khas sekolah-sekolah ugama, Sekolah Ugama Pelambayan, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Majeedah Nuurul Bolkiah, Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan, Sekolah Arab Sungai Akar, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah dan Sekolah Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit.



HADIR selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof dan Datin.

Pada persembahan pentas itu, beberapa persembahan bercorak keagamaan dipersembahkan bagi menyerikan majlis seperti tausyeh, persembahan nasyid dan kuiz interaktif.



ANTARA persembahan yang disampaikan pada Pentas Perayaan, kawasan letak kereta berdepanan dengan Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja pada malam berkenaan.

# Malam ASEAN semarak Perayaan Hari Keputeraan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Datin ketika hadir pada Malam ASEAN yang bertemakan 'We Are One'.

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 19 Ogos. - Sempena meraikan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69, Malam ASEAN yang bertemakan 'We Are One' telah diadakan di kawasan lapang berhadapan Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja di ibu negara, malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Datin.

Turut hadir ialah duta-duta dan wakil daripada kedutaan negara ahli ASEAN di Negara Brunei Darussalam.

Acara anjuran KKBS itu dimulakan dengan persembahan muzik oleh Negara Brunei Darussalam dan diikuti dengan persembahan daripada negara-negara ASEAN.

Bagi menyemarakkan lagi acara pada malam itu, kuiz penonton mengenai ASEAN juga diadakan yang antara lain bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman masyarakat mengenai ASEAN.

Persembahan penutup adalah merupakan finale ASEAN 'We Are One' yang merupakan kolaborasi dalam kalangan peserta-peserta negara-negara ahli ASEAN yang mengikuti acara berkenaan.



ANTARA persembahan nyanyian pada Malam ASEAN di kawasan lapang berhadapan Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja.

# BIBD CE-ALAF Oktober ini




PENGARAH Urusan BIBD, Javed Ahmad dan Timbalan Ketua Perbankan Pelanggan, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar juga selaku Ketua Inisiatif CSR pada Sidang Media tersebut.

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 17 Ogos. - Ekspedisi Amal (Charity Expedition - CE) adalah salah satu dari aktiviti-aktiviti mengumpul dana di bawah inisiatif ALAF, yang bermaksud 'Menggalakkan Pembelajaran Sepanjang Hayat bagi Cita-cita Masa Depan' (Advocating Life-Long Learning for an Aspiring Future - ALAF), yang merupakan program utama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) di bawah Tanggungjawab Korporat Sosial (CSR).

BIBD merasmi dan membukakan pendaftaran dalam talian (online) bagi edisi Ekspedisi Amal BIBD 2015 di bawah inisiatif ALAF pada acara Sidang Media yang diadakan di Bangunan Ibu Pejabat BIBD, di sini.

Hadir pada pelancaran tersebut ialah Pengarah Urusan BIBD, Javed Ahmad dan Timbalan Ketua Perbankan Pelanggan, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar juga selaku Ketua Inisiatif CSR.

Pada Sidang Media tersebut, Pengurus Projek CE-ALAF, Awang Ahmad Nazmie bin Haji Omar menghuraikan beberapa perkara mengenai pendaftaran CE-ALAF, iaitu berkenaan pengisian borang secara *online* serta pembayaran dan beberapa perkara yang berkaitan tantang CE-ALAF termasuk terma dan syarat yang telah ditetapkan.

Pendaftaran CE-ALAF tambahnya lagi hanya boleh dibuat secara 'online' sahaja dengan melayari laman sesawang *www.bibd.com.bn* dari 17 Ogos hingga 30 September 2015 dan para peserta akan menerima *donation card* yang akan diserahkan kembali di mana-mana cawangan BIBD atau di kesemua ATM BIBD dan CDM, serta juga boleh dilakukan secara 'Online Banking' menerusi nombor akaun CE ALAf, iaitu 1018181811.

BIBD CE-ALAF akan diadakan pada 25 Oktober 2015 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang akan menampilkan lima acara sukan, iaitu Larian Kompetitif 21km, 10km dan 5km, Larian Bukan Kompetitif 3km dan Ekspedisi Berbasikal serta yuran pendaftaran bagi kategori-kategori yang dinyatakan adalah berbeza dari serendah BND25.

Dalam Kategori Larian Kompetitif itu nanti turut memberikan peluang kepada peserta untuk memenangi hadiah wang tunai sehingga BND2,000 dan selain itu, BIBD juga turut menyediakan tempat khas bagi para peserta yang beragama Islam untuk melaksanakan solat Subuh nanti.

Memasuki tahun ketiganya, BIBD berharap akan dapat terus membina kejayaan berterusan bagi CE-ALAF yang mana telah berjaya mendapat sokongan padu daripada orang ramai dan berjaya mengumpul dana lebih daripada BND665,000 yang melibatkan penyertaan daripada 6,000 peserta dan sekali gus mencerminkan kemurnian luhur masyarakat Brunei.

Pada CE-ALAF yang Oktober ini dijangka lebih dari 800 sukarelawan akan ikut serta dari pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan, serta orang awam bagi memastikan kelancaran pengurusan dan penganjuran acara itu nanti.

Tahun ini, CE-ALAF diselenggarakan bersama dengan rakan BIBD, iaitu D'Sunlit Sdn. Bhd.; Brunei Press Sdn. Bhd.; Aewon Brunei; Active Networks; Dsignku; PLUS Megazine; AdXpert Marketing; Victory Athletes dan Ranoadidas.

Program ALAF telah dilancarkan pada bulan Mei 2013 oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, dan dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan disokong oleh Jabatan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Ia bertujuan untuk mengenal pasti pelajar yang kurang bernasib baik dan anak-anak yatim dari semua sekolah di negara ini menggunakan kriteria-kriteria yang ditetapkan, yang mana antara kriteria tersebut termasuk pencalonan dan sokongan guru-guru kebajikan sekolah dengan prestasi dan tahap kehadiran yang baik seseorang pelajar itu.

Selain itu, program itu juga menyediakan bantuan berupa peruntukan bagi yuran sekolah dan tuisyen, bahan-bahan pendidikan dan kebajikan, serta bimbingan dan kaunseling dalam kalangan keperluan lain-lain. Semua ini adalah untuk membantu memastikan komitmen pelajar-pelajar ini ke arah pembangunan pendidikan mereka dan tidak membiarkan mereka diganggu oleh komitmen lain.

Di samping itu, Program ALAF juga akan terus menyediakan sokongan dan bantuan kepada para pelajar sehingga tamatnya keperluan pendidikan para pelajar masing-masing.

Melalui BIBD ALAF berharap untuk menyelaraskan sokongan kepada Wawasan 2035 untuk mendapatkan pendidikan 100 peratus kepada semua orang, yang seterusnya diharap dapat membantu mengurangkan kemiskinan, dan akan membawa Brunei ke arah masa depan yang lebih sejahtera dan makmur, menjadikan penduduk Brunei yang berpendidikan, berkemahiran dan sangat berjaya, selaras dengan standard yang ditetapkan di peringkat antarabangsa.

Ahli-ahli yang ingin menyumbang ke dalam Kumpulan Wang ALAF BIBD boleh berbuat demikian dengan sumbangan sekurang-kurangnya BND1.01 ke dalam akaun Alaf BIBD di 1018181811.

Orang ramai boleh membuat sumbangan menggunakan saluran BIBD yang sedia ada seperti laman sesawang 'BIBD Online', aplikasi mudah alih BIBD, ATM BIBD dan CDM, kaunter cawangan BIBD.

Orang ramai juga boleh menubuhkan 'BIBD standing instruction' untuk memastikan sumbangan bulanan ke dalam kumpulan wang Alaf tersebut. Sebagai manfaat tambahan, pemegang akaun BIBD juga boleh menggunakan Hadiah terkumpul 'Mata BIBD' mereka untuk penukaran tunai ke dalam sumbangan akaun dana Alaf.

Untuk maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan mengenai CE-ALAF, orang ramai yang berminat untuk menyertai BIBD CE-ALAF ini bolehlah melayari laman sesawang 'www.bibdcharityexpedition.com', atau e-mel terus ke pasukan BIBD CE-ALAF di alamat 'info@bibdcharityexpedition.com', atau menghubungi terus ke talian hotline BIBD CE-ALAF di +673 8222110.

# Terima kunjungan hormat Ketua Bank Islam Sohar Islamic

**Berita dan Foto : Ihsan Osman A. Bakar**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 22 Ogos. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned telah menerima kunjungan hormat Ketua Bank Islam di Sohar Islamic, Oman, Tuan Salmi Khamis Saif al-Maskry di pejabat Yang Berhormat di Darulifta Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan.

Tuan Salmi Khamis Saif al-Maskry adalah seorang pegawai bank konvensional yang berpengalaman dan telah mengetuai pasukan *retail* Bank Sohar semenjak ia ditubuhkan pada 2007.

Beliau berada di negara ini dalam rangka lawatan ke Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dengan memberi fokus dan perhatian kepada pengalaman praktikal di sesebuah bank Islam, bidang-bidang perkembangan produk dan penstrukturan serta pematuhan syariah bagi produk *retail,* dokumentasi dan hal-hal berkaitan dengan kredit bagi produk-produk yang mematuhi syara'.



**MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika menerima kunjungan hormat Ketua Bank Islam di Sohar Islamic, Oman, Tuan Salmi Khamis Saif al-Maskry, di Darulifta Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan.**

# Teruskan usaha majukan bidang pertanian, agrimakanan



**PESTA Pertanian dan Agrimakanan di ruang legar, Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar dirasmikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah.**

**Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim**

**TEMBURONG**, Sabtu, 22 Ogos. - Pesta Pertanian dan Agrimakanan boleh dijadikan platform bagi para pengusaha yang bergiat aktif dan berdaftar dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk menjalinkan hubungan *business matching* di antara satu dengan lain termasuklah pengusaha luar bandar.

Berlangsung di ruang legar, Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar, pesta dirasmikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah.

Antara yang hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Pesta Pertanian selama dua hari itu diisikan dengan pelbagai aktiviti termasuk pameran-pameran dan jualan produk-produk pertanian dan agrimakanan daripada para pengusaha tempatan, di samping peraduan mewarna bagi kategori kanak-kanak yang akan diadakan pada 23 Ogos 2015.

Antara yang menarik perhatian pengunjung ialah pameran dari Unit Pengembangan Pertanian Daerah Temburong, iaitu Bahagian Padi, Tanaman dan Ternakan yang mana penglibatannya dalam pameran itu antara lain bertujuan untuk memberi serta menyalurkan maklumat dan teknologi pertanian serta agrimakanan yang berkaitan dalam sektor tanaman dan ternakan khusus untuk pengusaha-pengusaha di daerah ini.

Selain itu, pesta juga diselitkan dengan pertandingan yang dibukakan kepada Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan penduduk di daerah ini dengan Kategori Produk Makanan Tempatan, Gubahan Buah-Buahan Tempatan, Ulam-Ulaman dan Pelbagai Tanaman serta Gubahan Bunga-Bunga Hidup.

Dengan adanya pesta bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 bagi Daerah Temburong ini diharap akan dapat memeriahkan lagi suasana sambutan perayaan bagi daerah ini.



**PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid ketika menyaksikan pameran yang diselitkan semasa berlangsungnya Pesta Pertanian dan Agrimakanan.**

# AEGCD bincang isu penyakit berjangkit



**KETUA Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Mohd. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail semasa berucap pada perasmian Mesyuarat Kumpulan Pakar ASEAN Mengenai Penyakit-Penyakit Berjangkit Ke-10.**

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**GADONG**, Selasa, 18 Ogos. - Kementerian Kesihatan pada tahun ini menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Kumpulan Pakar ASEAN Mengenai Penyakit-Penyakit Berjangkit (The ASEAN Expert Group in Communicable Disease - AEGCD) Ke-10 yang berlangsung selama tiga hari bermula 18 Ogos hingga 20 Ogos 2015 di Rizqun International Hotel, di sini.

Mesyuarat berkenaan dirasmikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Mohd Khalifah bin Pengiran Haji Ismail.

Dalam ucapannya, beliau antara lain menyatakan platform untuk perkongsian pengetahuan amat penting melalui kumpulan-kumpulan yang membolehkan pakar serantau untuk bertukar-tukar idea, membincangkan penyelidikan dan pembangunan bagi membolehkan pelbagai pihak berkepentingan untuk mengambil bahagian dengan cara yang kolaboratif.

Mereka tegasnya, mesti bekerja sama untuk mengatasi cabaran-cabaran yang kita hadapi untuk menggerakkan, memastikan politik dan mencari sumber-sumber yang perlu bagi meningkatkan kaedah ke arah menangani wabak penyakit berjangkit.

"Dalam usaha mengatasi cabaran-cabaran yang kita hadapi dalam mengekalkan program pembasmian penyakit, kita tidak boleh lupa bahawa penyakit bukan keadaan fizikal yang mudah misalnya penyakit seperti HIV dan batuk kering adalah penyakit sosial di mana segmen tertentu penduduk adalah lebih teruk daripada yang lain," ujarnya.

Beliau yakin sepanjang mesyuarat tersebut para perwakilan akan berpeluang membincangkan isu-isu kesihatan yang berkaitan selain membincangkan pelan kerja yang jelas bagi tahun akan datang.

Pengiran Dr. Haji Mohd Khalifah juga mengharapkan perbincangan dan pertukaran idea secara telus akan membuahkan hasil yang setentunya menjadi harapan Kementerian Kesihatan bagi memberikan peluang dan masa untuk pembelajaran dan perkembangan profesional para peserta dan semua yang terlibat, di samping cadangan yang menjamin kesihatan dan memperbaiki kehidupan yang akan datang.

Pada majlis pembukaan rasmi itu juga menyaksikan penyerahan Pengerusi Mesyuarat AEGCD Ke-11 kepada Viet Nam yang akan menjadi tuan rumah tahun 2016.

Lebih 40 orang delegasi mewakili negara ASEAN, pegawai-pegawai Sekretariat ASEAN dan negara-negara yang berkepentingan. iaitu Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea menghadiri mesyuarat berkenaan.

AEGCD merupakan sebuah kumpulan dalam rangka kerja ASEAN yang berfungsi sebagai platform bagi anggota negara ASEAN berkongsi maklumat dan membincangkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pencapaian dan pengawalan penyakit-penyakit berjangkit.

Ia juga berfungsi untuk menguatkan lagi mekanisme koordinasi yang sedia ada dalam kalangan negara anggota ASEAN dan dibentuk untuk mengurangkan pertindihan kerja mengenai pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit dalam kalangan badan-badan ASEAN terutamanya kumpulan kerja dan pakar serta pasukan petugas di bawah Mesyuarat Menteri Kesihatan ASEAN dan Pegawai-Pegawai Kanan Mengenai Pembangunan Kesihatan (SOMHD).

Mesyuarat pertama AEGCD diadakan pada tahun 2004. Sehingga kini, AEGCD telah bermesyuarat sebanyak sembilan kali yang mana mesyuarat ke-9 telah berlangsung pada 11 hingga 13 November 2014 di Bangkok, Thailand.



**KETUA Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Mohd. Khalifah bergambar bersama para perwakilan yang menghadiri AEGCD Ke-10.**

# Ribuan orang terpukau pertunjukan bunga api

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd Noor

**KIULAP,** Ahad, 23 Ogos.- Seramai 50 kanak-kanak berkeperluan khas dijemput hadir menyaksikan pertunjukan bunga api di Taman Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Pertunjukan tersebut diwarnai dengan taburan bunga api lebih 20 minit yang dipersembahkan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mohammad 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam hadir selaku tetamu khas dan menyaksikan pertunjukan bunga api di Taman Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Ia berjaya memukau ribuan penonton yang sudah hadir sejak awal petang yang memenuhi jalan-jalan raya berdekatan semata-mata menikmati kilauan bunga api yang hanya diadakan setahun sekali di tempat tersebut.

Hadir selaku tetamu khas dan menyaksikan pertunjukan bunga api tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mohammad 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam.

Selain acara-acara khas, sambutan perayaan juga dimeriahkan dengan gerai-gerai perayaan yang diadakan sehingga hujung bulan ini bertempat di tempat letak kereta berhadapan Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja dan kawasan Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Acara serupa juga akan diadakan esok malam di The Empire Hotel & Country Club, Jerudong.



KEINDAHAN persembahan bunga api yang diadakan di Taman Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

# Pesta Sungai meriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ah Chua



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah ketika menyaksikan Pesta Sungai 2015 sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 bagi Daerah Temburong.



PESTA Sungai 2015 mempertandingkan tiga acara lumba perahu, iaitu Lumba Perahu Power Boat 'Racing', Lumba Perahu 'Fibreglass' Tempatan dan Lumba Perahu 'Bidar'.

**TEMBURONG,** Ahad, 23 Ogos. - Pekan Bangar dibanjiri oleh ratusan penduduk daerah ini yang kelihatan begitu teruja bagi menyaksikan Pesta Sungai 2015, berlangsung dengan meriahnya di Perairan Sungai Temburong.

Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Juga hadir menyaksikan pesta ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Sebanyak tiga acara lumba perahu dipertandingkan yang dibahagikan kepada beberapa kategori, iaitu Lumba Perahu Power Boat 'Racing', Lumba Perahu 'Fibreglass' Tempatan dan Lumba Perahu 'Bidar'.

Pesta yang diadakan setahun sekali bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 bagi Daerah Temburong itu mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan penyertaan para pelumba perahu dari dalam dan luar daerah.



SALAH seorang pemenang lumba perahu semasa Pesta Sungai 2015 menerima hadiah yang disampaikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah.

Selain untuk menyemarakkan suasana sambutan perayaan pada tahun ini, pesta juga antara lain bertujuan untuk menceriakan suasana Pekan Bangar dengan acara Pesta Sungai di Sungai Temburong.

Di samping itu, pesta seumpama ini diharap akan menjadi amalan tradisi budaya turun-temurun sejak pemerintahan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, yang mana acara lumba perahu tradisi ini adalah menjadi amalan acara perayaan.

# 43 peserta bertanding kereta tahan lasak

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG,** Ahad, 23 Ogos. - Pertandingan Akhir Kereta Tahan Lasak Pacuan Empat Roda (4WD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 bagi Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan berkenaan ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali dan isteri.

Pertandingan selama sehari itu diadakan di kawasan lapang berdekatan Ma'had Islam Brunei, di sini.

Dalam pertandingan kali ini sebanyak dua kategori dipertandingkan, iaitu Kategori Berpasukan dan Kategori Perseorangan Terbuka 'Bebas Isipadu (cc)'.

Bagi Kategori Berpasukan telah menerima sebanyak enam penyertaan, manakala bagi Kategori Perseorangan Terbuka 'Bebas Isipadu (cc)' menerima sebanyak 37 penyertaan.

Pertandingan tersebut dibukakan kepada semua penggemar-penggemar Kereta Tahan Lasak 4WD yang berumur 18 tahun ke atas bagi lelaki dan perempuan yang memiliki lesen memandu Kelas 3 (paling minima) yang sah.

Pada pertandingan kali ini, ahli-ahli jawatankuasa sangat menitikberatkan isu-isu keselamatan peserta dan memastikan setiap peserta memakai alat-alat keselamatan tertentu seperti topi keledar, tali pinggang, *safety bar* pada kenderaan dan sebagainya.

Tujuan pertandingan tersebut diadakan untuk mendedahkan penggemar-penggemar Kereta Tahan Lasak 4WD dan orang ramai betapa mustahaknya keselamatan dan disiplin ketika mengendalikan kenderaan 4WD dalam suasana tahan lasak dan mencabar.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali dan isteri ketika menyaksikan Pertandingan Kereta Tahan Lasak Pacuan Empat Roda (4WD).



AKSI para peserta Pertandingan Akhir Kereta Tahan Lasak 4WD sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 bagi Daerah Tutong yang berlangsung di kawasan lapang berdekatan Ma'had Islam Brunei, Tutong.

# Para pemenang Minda Pembaca!

Minda pembaca

## Pengeluaran beras tempatan prospek besar

SETELAH penantian yang agak panjang, akhirnya pada tahun 2009 yang lalu, negara kita berjaya mengeluarkan padi sendiri yang dikenali sebagai padi 'Laila'. Apa yang sangat membanggakan dan terpahat menjadi ristaan sejarah sepanjang zaman ialah apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli menyertai acara penanaman padi di kawasan ladang penanaman padi Wasan.

Apabila sumber makanan dapat dihasilkan atau diperolehi di dalam sesebuah negara, ia akan menjamin atau menjadikan sekuriti bekalan makanan cukup kepada masyarakat dan sekali gus akan menjamin kesejahteraan dan keselamatan penduduk di dalamnya bukan sahaja daripada ancaman kebuluran malahan juga daripada kesihatan awam. Begitulah huraian tema Hari Peladang, Penternak dan Nelayan 2011, iaitu 'Makanan Terjana, Negara Selamat'.

Jaminan sekuriti makanan adalah sangat penting terutama sekali apabila berlaku krisis kekurangan makanan yang disebabkan oleh pergolakan politik, bencana alam, perubahan iklim, jangkitan wabak penyakit dan sebagainya. Menjana makanan negara merupakan satu usaha yang dimestikan dalam kehidupan bernegara kerana ia berupaya memberi jaminan bekalan keperluan penduduk sendiri secara mampan dan pada masa yang sama, mengurangkan kebergantungan kepada bekalan dari luar negara.

Usaha sektor pertanian dalam pengeluaran beras tempatan dilihat sebagai perniagaan yang memberi prospek besar kepada seluruh masyarakat di negara ini kerana ia juga turut membantu merapatkan jurang sosial ekonomi dalam masyarakat dan turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Sebagaimana yang pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-62 Tahun pada 15 Julai 2008 bahawa di merata tempat di dunia, kejadian bencana alam yang dahsyat, seperti gempa bumi, angin kencang dan banjir besar, menjejaskan sumber pemakanan. Lebih-lebih lagi beberapa buah negara pengeluar telah dilihat menghentikan eksport makanan bijiran mereka ke negara lain.

"Maka dengan sebab itu, Negara Brunei Darussalam tidak dapat lagi semata-mata bergantung kepada ihsan alam luar negara untuk mendapatkan beras, walaupun kita mampu mengadakan peruntukan untuk itu. Sikap semata-mata bergantung kepada wang ringgit untuk mengisi perut sudah tidak relevan lagi dengan terjadinya krisis makanan ini," tegas baginda.

Oleh itu, mewujudkan komuniti peladang, petani, penternak dan nelayan yang berkeupayaan adalah perlu bagi mencapai kejayaan yang lebih besar dan sebagai nadi penggerak dalam membantu pihak kerajaan mencapai apa jua sasaran yang ditetapkan dalam menjana makanan demi kesejahteraan dan keselamatan Negara Brunei Darussalam sekali gus menjurus kepada perkembangan ekonomi negara.

**Nama : Nurhazirah binti Haji Mohd. Bohari**
**No. K/P : 01-041261 (K)**
**Alamat : No. 11, Simpang 219, Kampung Lambak 'A' Jalan Pasir Berakas, BB1314.**

## Sokong pengeluaran beras tempatan

KITA selaku rakyat Brunei Darussalam bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala, taraf ekonomi negara ini berada di tahap yang sangat baik dan memuaskan hasil daripada pengeluaran minyak dan gas. Dengan adanya penghasilan tersebut, Negara Brunei Darussalam telah melalui pelbagai perkembangan, kemajuan dan perubahan yang merangkumi semua aspek kehidupan berkaitan dengan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk yang bermastautin di negara ini. Bahkan negara juga turut mengambil berat dalam mempelbagaikan sumber-sumber lain daripada pelbagai bidang seperti pengeluaran beras bagi memastikan perkembangan ekonomi negara tetap berada di tahap yang stabil.

Perlu kita sedari bahawa industri pertanian dianggap industri yang terpenting sekali, kerana ia berkaitan dengan penghasilan makanan yang diperlukan oleh manusia. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Hud ayat 61, yang maksudnya: "Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya." Oleh yang demikian membangun ekonomi yang berasaskan kepada kegiatan pertanian adalah merupakan satu tugasan murni yang sangat dituntut oleh Islam. Di Negara Brunei Darussalam beras merupakan salah satu komoditi dan makanan asasi di negara ini dan pengeluaran padi yang telah dilakukan di negara ini secara tidak langsung menyumbang kepada kepentingan keselamatan pemakanan negara.

Kejayaan 'Beras Laila' Brunei merupakan satu inspirasi untuk terus mengusahakan pengeluaran beras tempatan. Bagi memastikan pengeluaran beras tempatan berjalan dengan baik dan lancar kerajaan melalui Rancangan Kemajuan Negara Kelapan (RKN Ke-8) yang dikendalikan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah melaksanakan projek-projek tertentu bagi meningkatkan penghasilan padi negara.

Dengan adanya pengeluaran beras tempatan ini juga, selain dapat menyumbang pembangunan ekonomi yang mampan, ia sekali gus dapat melindungi sumber kekayaan negara (tanah) daripada terus terbiar tanpa diusahakan. Bahkan dengan aktiviti pengeluaran beras tempatan juga dapat membuka ruang pekerjaan kepada rakyat tempatan dalam menjana perekonomian mereka, sekali gus mengurangkan masalah pengangguran yang sedia ada. Akhirnya, marilah kita bersama-sama menyokong pengeluaran beras tempatan bagi perkembangan ekonomi dan kepentingan kita bersama.

**Nama : Shereen Farinna binti Aslan**
**Nombor K/P : 01-066048 (K)**
**Alamat : No. 7, Spg 436, Kampung Kupang Jalan Tutong, TB2941.**

## Tingkat produktiviti pengeluaran beras

BERAS adalah satu makanan asasi bagi masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan lagi produktiviti di sektor pertanian. Selain tertumpu kepada sektor pengeluaran minyak mentah dan gas, sektor pertanian juga boleh membantu dalam perkembangan ekonomi negara.

Pada Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Ke-11, Negara Brunei Darussalam telah menandatangani satu Perjanjian Simpanan Beras Kecemasan ASEAN+3 (APTERR). Objektif perjanjian tersebut ialah sebagai jaminan jika berlakunya tidak kestabilan pengeluaran dan bekalan sewaktu bencana alam. Selain itu membantu negara-negara luar yang terjejas di dalam ketidakstabilan harga makanan dan permintaan makanan yang meningkat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ada bertitah mengenai perjanjian tersebut, baginda berharap dengan perjanjian tersebut terdapat banyak ruang untuk belajar dan menjamin bekalan yang stabil.

Banyak langkah-langkah dan usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memperluaskan lagi sektor pertanian tempatan terutamanya dari segi meningkatkan taraf kualiti dan barangan keperluan petani ke taraf peringkat petani moden. Pepatah, berbudi dengan tanah,menjanjikan pendapatan yang lumayan bagi seseorang yang sanggup berusaha berhempas pulas di bawah terik matahari menghasilkan tanamannya. Justeru itu mengurangkan bergantung kepada barangan mentah yang diimport.

Bayangkan jika setiap warga mampu menampung keperluan hasil makanan daripada bercucuk tanam, bukan saja seolah separuh masalah negara telah dapat diselesaikan malahan masalah ekonomi negara turut diselesaikan. Oleh demikian itu, amalkan hidup dengan sikap, bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian.

**Nama : Nurjuliaha binti Abdullah**
**No. K/P : 01-060766 (K)**
**Alamat : No. 19, Simpang 14, Jalan 99 RPN Kampung Rimba, Gadong, BE3319.**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

**1. 'Martabatkan Bahasa Melayu Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 26 Ogos 2015.**
**2. 'Negara Memerlukan Belia Bersikap Positif'. Tarikh Tutup : 2 September 2015.**
**3. 'Amalkan Budaya Tolong-Menolong'. Tarikh Tutup : 9 September 2015.**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca**
**Unit PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

4. Sebanyak tiga penyertaan terbaik akan disiarkan dalam **Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI** dan setiap seorang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak **BND75.**

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

# TelBru komited tingkatkan kemahiran pengurus



SETIAUSAHA Tetap (Dasar dan Pelaburan), Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Hisham bin Haji Mohd. Hanifah, juga selaku Pengerusi TelBru semasa bergambar ramai pada Majlis Pelancaran Program Perkembangan Kepimpinan yang diadakan di Grandstand 3, Equestarian Centre, Royal Brunei Polo and Riding Club (RBPRC).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Masri Osman

**JERUDONG**, Jumaat, 21 Ogos. - Telekom Brunei Berhad (TelBru) telah melancarkan Program Perkembangan Kepimpinan yang diadakan di Grandstand 3, Equestarian Centre, Royal Brunei Polo and Riding Club (RBPRC), di sini.

Setiausaha Tetap (Dasar dan Pelaburan), Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Hisham bin Haji Mohd. Hanifah, juga selaku Pengerusi TelBru hadir selaku tetamu kehormat bagi melancarkan program tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif TelBru, David Kay antara lain menyatakan, seorang pemimpin yang baik mampu menerajui dan menggalakkan pasukannya untuk melakukan yang terbaik semampu mungkin secara optimum sepanjang masa dan memacu kejayaan organisasi.

Katanya, walaupun terdapat kebenaran dalam pepatah Inggeris yang berbunyi 'Great leaders are born, not made', belajar bagaimana untuk menjadi pemimpin yang baik memang mengambil masa melalui pembelajaran dan mengamalkan ciri-ciri kemahiran dalam kepimpinan.

Seramai 31 peserta yang terdiri daripada Pengurus Kanan TelBru dan para peserta Talent Pool Program yang menjalani program selama setahun.

Program berkenaan merupakan komitmen TelBru untuk terus meningkatkan kemahiran dan pengetahuan para pengurus dan mengembangkan keupayaan mereka untuk mengikuti perkembangan teknologi dan persekitaran yang berubah selain untuk membuat persediaan menjadi pemimpin pada masa hadapan.

Bagi Talent Pool Program pula, ia adalah satu program di mana empat bakat terpilih dari TelBru akan menjalani latihan intensif pendedahan 'Technical, Professional dan Cross-Cultural' dan menimba pengalaman untuk mengetengahkan bakat mereka menjadi pengurus sebagai sebahagian daripada perkembangan kerjaya mereka.

Dua pegawai TelBru, Awang Nazleny Azian bin Haji Johan dan Awang Muhammad bin Ahmad Zakhran akan diposkan ke Telekom Malaysia manakala dua pegawai lagi, Koh Chun Hua dan Awang Muhammad Ruzaini bin Adanan akan dihantar ke Philippine Long Distance Telephone Company (PLDT) selama enam bulan.

Turut hadir pada majlis itu ialah ahli-ahli Lembaga Pengarah TelBru, ketua pegawai, pengurus besar dan pengurus-pengurus kanan TelBru.



SETIAUSAHA Tetap (Dasar dan Pelaburan), Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Hisham menyampaikan *folder* Program Perkembangan Kepimpinan kepada para penerima (atas dan bawah).



# Pelanggan bertuah BIBD terima baucer

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 21 Ogos. - Lima orang pelanggan bertuah Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) yang membeli-belah dengan menggunakan Kad Debit BIBD atau Kad Kredit BIBD telah memenangi baucer bernilai BND500.

Pemenang terdiri daripada Dayang Siti Maszaiwaty binti Matjaini @ Zaini, Dayangku Mas Siti Arifah Nur Rasyidah binti Pengiran Haji Mohammad Alam, Awang Haji Morni bin Haji Metali, Dayang Hafizah binti Zaini dan Awang Sheikh Mohamad bin Haji Sheikh Said.

Timbalan Ketua Perbankan Pengguna BIBD, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Md. Jaafar telah menyampaikan baucer-baucer berkenaan pada majlis yang berlangsung di Pasar Raya First Emporium, Jalan Tutong, di sini.

Para pemenang bulanan kedua 'Swipe for Rewards' seterusnya diberi peluang untuk membelanjakan jumlah baucer mereka sebanyak BND200 dalam masa 10 minit di pasar raya berkenaan.

Kempen tersebut dibukakan kepada semua para pelanggan BIBD yang berbelanja dengan menggunakan Kad Debit BIBD atau Kad Kredit BIBD dengan jumlah minima BND30 dalam satu resit di pasar raya-pasar raya terpilih.

Setiap satu resit berpeluang untuk memenangi baucer membeli-belah melalui cabutan undian bertuah bulanan. Kempen ini dijalankan selama tiga bulan berturut-turut sehingga 30 September 2015.

Untuk maklumat lanjut mengenai mana-mana produk BIBD, perkhidmatan atau promosi, sila layari akaun Instagram BIBD di BIBDBRUNEI; laman Facebook di *www.facebook.com/bibdbrunei*; menghubungi Pusat Panggilan BIBD di 2238181 atau berkunjung ke cawangan BIBD yang berhampiran dan memuat turun Mobile App popular BIBD untuk mendapatkan tawaran dan promosi BIBD terbaru di bawah fungsi 'Apa yang Baru'.







SEBAHAGIAN daripada pemenang pada 'Swipe for Rewards' Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

# Pusat Pembelajaran TelBru dirasmikan



PUSAT Pembelajaran TelBru yang terletak di Bangunan TelBru, Jalan Pasir Berakas ini diharap dapat menggalakkan pembinaan keupayaan serta membangunkan organisasi ke arah kecemerlangan perkhidmatan dan mewujudkan kecekapan operasi.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

**MUKIM BERAKAS**, Jumaat, 21 Ogos. - Telekom Brunei Berhad (TelBru) melancarkan sebuah pusat pembelajaran pertamanya yang terletak di Bangunan TelBru, Jalan Pasir Berakas.

Pelancaran Pusat Pembelajaran TelBru disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif TelBru, David Kay dan dihadiri oleh pegawai-pegawai pengurusan kanan dan pegawai TelBru.

Menurut Pengurus Sumber Tenaga Manusia, TelBru, Innaci Dass, pusat tersebut merupakan salau satu pelaburan TelBru untuk melaksanakan pembangunan keupayaan organisasi dalam kalangan kakitangan bagi melahirkan tenaga kerja yang bermotivasi tinggi, di samping mewujudkan budaya prestasi tinggi dalam organisasi.

Seluruh bangunan terangnya, akan ditukar kepada pusat pembelajaran termasuk kaunter TelBru, yang mana kakitangan boleh menggunakannya sebagai Kawasan Latihan Perkhidmatan Pelanggan (Customer Service Practice Area).

Beliau menambah, selain daripada pusat pembelajaran yang menjadi pusat latihan utama bagi para kakitangan, objektif utama pusat berkenaan adalah untuk menggalakkan pembinaan keupayaan serta membangunkan organisasi ke arah kecemerlangan perkhidmatan dan mewujudkan kecekapan operasi.

Pusat berkenaan dilengkapi enam buah bilik latihan yang boleh memuatkan 100 kakitangan pada satu masa. Dua bilik di tingkat atas akan digunakan untuk latihan pembangunan, dua bilik latihan teknikal yang terletak di tingkat bawah memuatkan kabel dan peralatan teknikal untuk tujuan latihan, satu bilik akan digunakan sebagai makmal komputer dan IT untuk latihan sistem atau pengujian dan sebuah bilik lagi akan dijadikan sebagai persediaan khusus bagi Kelas 'Virtual Blended Learning' (VBL).

Bilik VBL merupakan bilik latihan pertama di Brunei yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan canggih antaranya kemudahan internet berkelajuan tinggi, sistem teknologi multimedia yang terkini dan kemudahan skrin sentuh interaktif dengan sistem pengurusannya.

Pusat latihan ini juga turut menyediakan perkhidmatan perpustakaan mini yang menyediakan semua jenis buku termasuk bidang telekomunikasi, pembangunan diri dan kepimpinan.



PUSAT Pembelajaran TelBru dilancarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif TelBru, David Kay.

# Menyentuh Ka'bah ketika tawaf

**(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**TAWAF** merupakan salah satu daripada rukun haji yang enam. Secara ringkas rukun-rukun haji yang enam itu ialah Ihram, Wuquf di 'Arafah, Tawaf *Ifadhah, Sa'ie* antara Safa dan Marwah, menggunting rambut dan tertib.

Manakala jenis-jenis tawaf pula antaranya ialah tawaf Ifadhah, tawaf *Qudum*, tawaf *Wada',* tawaf Nadzar, tawaf *Tathawwu'* dan tawaf *Tahallul,* iaitu tawaf yang dilakukan oleh seseorang yang telah luput hajinya, umpamanya luput haji kerana luput berwuquf di 'Arafah, sebagai bertahallul (cara melepaskan dirinya) daripada ihram hajinya. Manakala dam orang yang luput hajinya ini adalah sepertimana dam tamattu' dari segi sifat dan segala hukumnya.

**Tawaf Sekeliling Ka'bah**

Tawaf bererti melakukan pusingan di sekeliling al-Bayt al-Haram, (Ka'bah), iaitu mengelilingi Ka'bah sebanyak tujuh kali keliling dengan syarat tertentu sambil berdoa.

Tempat melakukan tawaf ialah di sekeliling Ka'bah yang terletak di dalam Masjidil Haram. Perkara ini adalah berdasarkan firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

**Tafsirnya :** *"Dan melakukan tawaf di Baitul 'Atiq (Ka'bah)."*

(Surah al-Hajj : 29)

**Syarat-Syarat Tawaf**

Sepertimana ibadat-ibadat yang lain mempunyai syarat-syaratnya yang tertentu agar sesuatu ibadat itu dianggap sah dan sempurna, tawaf juga mempunyai syarat-syaratnya. Secara ringkas syarat tawaf adalah sepertimana berikut.

1. Menutup aurat sepertimana menutup aurat di dalam sembahyang.
2. Suci daripada hadats kecil dan hadats besar serta suci pada pakaian, badan dan tempat tawaf daripada najis.
3. Sentiasa menghalakan bahu kiri ke arah Ka'bah sepanjang melakukan tawaf.
4. Memulakan tawaf daripada penjuru Hajar *al-Aswad* ataupun setentangan dengan penjuru Hajar *al-Aswad.* Apabila memulakan tawaf, hendaklah keseluruhan badan orang yang tawaf, yakni pada bahagian bahu kiri, bersetentangan dengan penjuru Hajar *al-Aswad* dan tidak boleh mana-mana anggota badannya itu terkedepan daripada garisan Hajar *al-Aswad.*
5. Melakukan 7 kali pusingan tawaf yang sempurna dengan yakin. Bermula satu pusingan tawaf yang sempurna daripada penjuru Hajar *al-Aswad* dan berakhir pada penjuru Hajar *al-Aswad* itu juga.
6. Tawaf dilakukan di dalam Masjidil Haram di sekeliling Ka'bah dan di luar daripada *asy-Syadzarwan* dan al-Hijr (Hijir Isma'il). Tidak memadai tawaf seseorang itu melainkan mengelilingi keseluruhan Ka'bah, sama ada tawaf dilaksanakan dengan jarak yang berhampiran dengan Ka'bah ataupun jauh sedikit daripadanya, selama mana ia dikerjakan di dalam lingkungan Masjidil Haram. Hukum tawaf tetap sah walaupun terdapat halangan atau hadangan (ha'il) di antara orang yang tawaf itu dengan Ka'bah, seperti mimbar, tiang atau telaga Zamzam. Demikian juga adalah sah melakukan tawaf dari atas atap Masjidil Haram, menurut pendapat *al-mu'tamad,* kerana ruang di atas masjid mengambil hukum sepertimana hukum masjid. Dengan kesepakatan ulama, tawaf yang dilakukan di luar Masjidil Haram adalah tidak sah.
7. Niat tawaf
8. Tujuan adalah semata-mata untuk tawaf dan bukan selainnya.

**Had Kawasan Ka'bah**

Sebagaimana yang dijelaskan, tempat melakukan tawaf ialah di sekeliling atau di sisi Ka'bah. Oleh yang demikian, tidak sah tawaf yang dilakukan pada Ka'bah, di atas Ka'bah ataupun dalam Ka'bah. Oleh itu, terlebih dahulu perlu diketahui apakah dia Ka'bah dan di manakah had atau kawasan yang dinamakan Ka'bah?

Ka'bah merupakan rumah empat persegi. Ia dinamakan *al-bayt al-haram,* difahami sebagai binaan Ka'bah itu sendiri.

Selain daripada binaan Ka'bah itu sendiri seperti yang dilihat pada ketika ini, terdapat juga kawasan atau bahagian yang merupakan Ka'bah yang asal, seperti *asy-Syadzarwan* dan al-Hijr (Hijir Isma'il) yang mengambil hukum seperti Ka'bah jua. Oleh itu, berikut dijelaskan




beberapa perkara mengenai hukum tawaf pada keduanya.

**1. Asy-Syadzarwan Sebahagian Ka'bah Yang Asal**

Pada asalnya, dinding Ka'bah adalah lebih besar atau terkeluar sedikit daripada dinding Ka'bah yang ada pada ketika ini. Untuk mengetahui dinding asal Ka'bah, antaranya dilihat pada *asy-Syadzarwan,* iaitu binaan asas pada bahagian bawah Ka'bah yang terkeluar daripada tepi dinding Ka'bah. Berbentuk seperti bendul dan diperbuat daripada marmar. Tingginya daripada dasar lantai lebih kurang 11 sentimeter (2/3 dzira') dan lebarnya lebih kurang 40 sentimeter.

Bahagian asal Ka'bah *asy-Syadzarwan* yang ada pada masa ini telah dibiarkan atau ditinggalkan terkeluar daripada dinding Ka'bah oleh kaum Quraisy semasa pembinaan semula Ka'bah, disebabkan kesempitan pembiayaan atau dana kaum Quraisy pada ketika itu.

**Tawaf mengelilingi asy-Syadzarwan**

Maksud "tawaf mengelilingi *asy-Syadzarwan"* ialah tawaf di sisi *asy-Syadzarwan,* di luar daripadanya dan di luar daripada ruang di atas asy-Syadzarwan. Perkara ini berdasarkan ayat daripada Surah al-Hajj ayat 29 yang telah disebutkan. Menurut jumhur ulama, keseluruhan badan orang yang tawaf itu, termasuk tangannya, wajib berada di luar daripada *asy-Syadzarwan* ketika melakukan tawaf.

**2. Al-Hijr Sebahagian Ka'bah Yang Asal**

*Al-Hijr* dinamakan juga Hijr Isma'il, iaitu suatu tembok melengkung berbentuk separa bulatan pada dua penjuru bahagian sebelah kiri Ka'bah. Lebih tepat *al-Hijr* berada di kawasan bawah pancuran (mizab) Ka'bah. Di antara dinding Ka'bah dan kedua-dua hujung *al-Hijr* terdapat tempat laluan.

*Al-Hijr* adalah bahagian asal Ka'bah yang ditinggalkan pembinaannya oleh kaum Quraisy kerana kekurangan pembiayaan atau dana ketika pembinaan semula Ka'bah yang mereka lakukan. Lalu mereka mengeluarkannya daripada binaan yang dibuat oleh Nabi Ibrahim *'Alaihissalam* dan mereka jadikannya tembok rendah.

Al-Hijr adalah sebahagian daripada Ka'bah berdasarkan beberapa hadits shahih antaranya daripada 'Aisyah *Radhiallahu 'anha, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

**Maksudnya :** *"Aku pernah bertanya kepada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam mengenai tembok (al-Hijr), apakah ia termasuk Baitullah?"*

*Baginda menjawab : "Ya".*

*Aku bertanya : "Kenapa mereka tidak memasukkannya ke dalam Baitullah?*

*Baginda menjawab : "Sesungguhnya kaummu (pada ketika itu) kekurangan dana (pembiayaan)."*

*Aku bertanya : "Kenapa pintunya diletakkan tinggi (di bahagian atas)?"*

*Baginda menjawab : "Kaummu telah membuatnya seperti itu, supaya mereka boleh memasukkan siapa yang mereka kehendaki dan menegah siapa yang mereka kehendaki. Kalau bukan kerana kaummu masih dekat dengan (keadaan) jahiliyyah dan (kalau bukan kerana) aku merasa khuatir hati mereka akan mengingkarinya, nescaya akan aku masukkan tembok (al-Hijr) di dalam Baitullah dan akan aku letakkan pintunya di bahagian bawah sahaja."*

*(Hadits riwayat Muslim)*




# Sifat Riya' dan akibatnya

**ISLAM** memandang perbuatan riya' sebagai suatu wabak yang cukup bahaya dan mengancam kemurnian aqidah dan iman serta merosakkan nilai keikhlasan hati, keluhuran akhlak dan sebagainya. Secara ringkasnya riya' adalah suatu perbuatan yang tersembunyi di dalam hati, perasaan dan peribadi seseorang dengan niat dan tujuan tertentu.

Pada hakikatnya orang yang melakukan riya' bertujuan untuk memperlihatkan kehebatan, kebaikan, perjuangan dan amalannya. Dengan kata lain, riya' merupakan perbuatan yang sia-sia kerana mengandungi unsur kepura-puraan serta berniat tidak baik terhadap orang lain. Mereka akan sentiasa mencari-cari peluang untuk dipuji dan sentiasa dalam keadaan berpura-pura di depan orang. Jika dipuji, ia akan menambah amalannya tetapi jika dikeji, ia akan mengurangkan amalannya. Riya' merupakan senjata akhir bagi syaitan untuk menewaskan orang-orang yang rajin beribadah sehingga mereka tersesat dan amal-amalnya tidak sampai kehadapan Allah Subhanahu Wata'ala.

Pemahaman tentang riya' patut diketahui dan dihayati oleh setiap individu muslim kerana ia pemusnah segala amalan dan amalan itu akan menjadi sia-sia tanpa disedari dan juga perosak segala kebaikan.

Orang yang bersifat riya' akan mendapat balasan berupa seksaan, kemurkaan dan kehinaan. Di antara balasan akibat bersifat riya' itu ialah mendapat kutukan dari Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Ma'uun ayat 4-6 yang tafsirnya :

*"Maka celakalah orang-orang bersembahyang. (Iaitu) mereka yang lalai terhadap sembahyang mereka. (Juga) mereka yang berkeadaan riya'."*

Riya' juga boleh merosak pahala amal kebajikan seseorang dan mereka tidak akan mendapat pahala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Baqarah ayat 264 tafsirnya :

*"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu merosakkan (pahala) sedekah-sedekah kamu dengan mengungkit dan menyakiti, seperti (rosaknya pahala) orang yang membelanjakan hartanya kerana riya' (menunjuk-nunjuk) kepada manusia."*

Manakala dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah daripada Abi Hurairah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Adakalanya seseorang yang puasa itu tidak mendapat apa-apa dari puasanya itu kecuali merasa lapar dan adakalanya orang bangun malam (sembahyang) tidak mendapat pahala apa-apa dari bangunnya itu (sembahyang dengan riya') kecuali tidak tidur."

Yang maksudnya :

Perbuatan riya' menyebabkan seseorang itu tidak mendapat rahmat Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di akhirat.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda di dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abi Hurairah Radhiallahu 'anhu yang maksudnya :

*"Aku (Allah) sama sekali tidak memerlukan sekutu dari segala sekutu. Barangsiapa yang berbuat sesuatu amalan yang menyekutukan Aku dengan selain Aku, maka dia akan Aku tinggalkan bersama sekutunya."*

Dalam hadits lain yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah daripada Abu Sa'id al-Anshari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang tafsirnya :

*"Barang siapa yang menyekutukan Allah Subhanahu Wata'ala dengan seseorang dalam suatu amal perbuatannya yang dia lakukan kerana Allah 'azzawajalla, maka hendaklah dia meminta pahalanya selain dari Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala sama sekali tidak memerlukan sekutu dari segala sesuatu apa pun."*

Allah Subhanahu Wata'ala membenci orang yang bersifat riya' kerana sifat tersebut boleh menyebabkan mereka menjadi syirik.

Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* bersabda di dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam IbnuMajah daripada Abu Sa'id al-Khudri yang maksudnya:

Suatu ketika Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah keluar kepada kami kebetulan kami sedang berbicara tentang Al-Masih Ad-Dajal, lalu baginda bersabda : "Apakah aku belum khabarkan kepada kamu tentang sesuatu yang paling aku takuti bagi kamu semua daripada Al-Masih Ad-Dajal?" Mereka menjawab : "Belum." Lalu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *"Syirik Khafi (samar), iaitu seseorang yang mendirikan sembahyang lalu dia memperindahkan sembahyangnya supaya dilihat orang."*

Sementara di dalam hadits lain yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* bersabda yang maksudnya:

*"Sesungguhnya sesuatu yang paling aku takuti atas umatku, iaitu syirik kepada Allah, sedang sesungguhnya aku tidak mengatakan mereka menyembah matahari, bulan dan tidak pula berhala, akan tetapi perbuatan yang dilakukan untuk selain Allah dan keinginan yang tersembunyi (riya')."*

Sebagai seorang yang beriman kita sepatutnya sentiasa memperbaiki niat dan tekad dalam melakukan sesuatu amal kebajikan agar segala amalan tidak menjadi sia-sia dan memperolehi keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

# Taman Arkeologi Kota Batu

## Lokasi bersejarah membuktikan tamadun silam Brunei






PULAU Terindak ialah pulau buatan manusia. Beberapa ratus tahun dahulu Pulau Terindak berfungsi sebagai jeti dan peninjauan bagi kapal-kapal dan perahu-perahu yang lalu di kawasan Sungai Brunei (atas); artifak purba yang ditemui (kanan) dan Tapak Perkuburan Lama yang berdekatan dengan Makam Sultan Bolkiah (bawah kanan).




**Oleh : Musa Mohidin**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit**

DALAM perihal mengukur darjat tamadun sesebuah bangsa, semakin lama kewujudan bangsa itu, semakin tinggilah nilai intrinsiknya di mata manusia sejagat.

Ini kerana bangsa yang wujud, berupaya menyesuaikan diri dengan iklim dan geografi setempat, menubuhkan sistem sosial dan menanam tatacara kehidupan yang berakar umbi sehingga menguasai kawasan (dan empayar) lebih awal dari bangsa-bangsa lain adalah bangsa yang bertamadun.

Sekali-sekala kita tonton dokumentari atau terbaca rencana mengenai tamadun-tamadun yang telah wujud lebih 4,000 tahun sebelum Masihi yang mengetengahkan bangsa-bangsa seperti Mesir purba, Parsi dan Sumer yang mana setiap satu telah membina bangsa mereka seawal tempoh tersebut.

Bangsa kita apa kurangnya? Bangsa kita adalah berusia lebih 1,500 tahun.

Detik demi detik, bangsa kita mendapati bukti-bukti kewujudan kita pada zaman silam. Dan bukti-bukti yang dimaksudkan adalah terdapat pada lokasi-lokasi bersejarah tertentu.

Lokasi yang diserlahkan dalam rencana kali ini ialah Taman Arkeologi Kota Batu.

**SEJARAH RINGKAS**

Terletak di Jalan Sultan Bolkiah, Kampung Kota Batu, kira-kira lima kilometer dari Bandar Seri Begawan adalah sebuah medan bersejarah yang mula dibuka untuk kunjungan ramai, iaitu Taman Arkeologi Kota Batu.

Taman Arkeologi Kota Batu merupakan tapak pertama diwartakan di bawah Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam pada tahun 1967. Pada waktu yang sama, tapak tersebut adalah tapak arkeologi terpenting di Negara Brunei Darussalam.

Penyelidikan pertama ke atas tapak tersebut dilaksanakan oleh mendiang Tom Harisson, Kurator Muzium Sarawak pada tahun 1952/3 yang menimbulkan kesan-kesan peninggalan tapak yang dipercayai sebagai Ibu Kota Brunei Tua pada abad ke-14 hingga abad ke-17 Masihi.

Penyelidikan pada tahun-tahun seterusnya menimbulkan beberapa tapak termasuk tapak perkuburan lama, Kompleks Kota Batu I, Tapak Kota Batu II, Tambak Tanah di Tapak Kota Batu III dan Pulau Terindak.

Di samping penemuan lokasi-lokasi tersebut, penyelidikan juga telah menemui artifak-artifak di situ seperti batu nisan, tembikar, bahan kayu, wang syiling dan sebagainya.

Salah satu usaha untuk memberikan pendedahan kepada orang awam mengenai kepentingan tapak ini, Taman Arkeologi Kota Batu adalah dibina secara berperingkat-peringkat melalui peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 dan Ke-9.

Ke muka 11



PERMAKAMAN yang ditemui di Kompleks Kota Batu I.



ARTIFAK-ARTIFAK purba dan keterangan ringkas mengenai Taman Arkeologi Kota Batu menanti awda di dalam bangunan Pusat Informasi.




DI ANTARA artifak yang dipamerkan di Pusat Informasi (atas) dan Tapak Kota Batu III yang bertarikh abad ke-15-16 Masihi (bawah).

Dari muka 10

Pembinaan dan pelaksanaan Taman Arkeologi Kota Batu telah bermula semasa Kurator Arkeologi pada waktu itu, iaitu Pengiran Dr. Karim bin Pengiran Osman dan seterusnya tugasan tersebut diambil alih oleh Dayang Aminah binti Haji Majid yang sekarang memegang jawatan Kurator Arkeologi.

Kurator yang bertugas bagi operasi, penyelenggaraan dan pengurusan Taman Arkeologi Kota Batu.

Seorang Kurator iaitu Kurator Arkeologi, Pengurus Muzium Maritim Brunei Darussalam dan Pengurus Taman Arkeologi Kota Batu adalah bertugas bagi operasi, penyelenggaraan dan pengurusan taman tersebut.

**Pakar-pakar lain**

Taman Arkeologi Kota Batu diurus dan dipantau oleh pakar-pakar bidang arkeologi, termasuk pakar tembikar, penyelidik-penyelidik dan tukang pelan yang dilatih dalam bidang arkeologi untuk memelihara peninggalan tapak-tapak.

Di samping itu, mereka juga menjalankan penyelidikan arkeologi yang berterusan, dan pakar-pakar ilmu kejadian pula adalah bertugas untuk menyelidik fauna dan flora yang terdapat di taman tersebut.

**Jumlah artifak yang dipamerkan**

Pelbagai jenis artifak ditemui di Taman Arkeologi Kota Batu yang terdiri daripada bahan tembikar, struktur yang diperbuat daripada batu dan kayu, wang syiling, batu nisan dan sebagainya.

Oleh kerana penyelidikan adalah dijalankan berterusan di tapak ini, maka jumlah artifak yang didapati semakin bertambah.

Sejak 2014, sebanyak 162,758 artifak telah ditemui.

**Kemudahan yang terdapat untuk para pengunjung**

Taman Arkeologi Kota Batu menyediakan beberapa kemudahan untuk para pengunjung, di antaranya ialah seperti berikut:

Pusat Informasi Taman Arkeologi Kota Batu yang mengandungi pameran dan informasi mengenai tapak arkeologi Kota Batu daripada sejarah awal penemuannya pada awal tahun 1950-an sehingga sekarang. Sebahagian bahan-bahan artifak yang ditemui di Kota Batu adalah juga dipamerkan di situ.

Tempat pejalan kaki sepanjang 1,580 meter.

**Pondok rehat**

Sebanyak lapan pondok rehat dibina di sepanjang tempat pejalan kaki. Setiap satu dinamakan dengan nama bersejarah seperti Pondok Awang Alak Betatar, Pondok Pateh Berbai, Pondok Awang Semaun, Pondok Mambang, Pondok Pateh Tuba, Pondok Pateh Sangkuna, Pondok Pateh Manggarun dan Pondok Pateh Malakai.

Jambatan penghubung ke Pulau Terindak sepanjang 100 meter.

Kemudahan-kemudahan asas seperti bilik air awam, kawasan letak kereta dan tempat berehat.

**Tapak-tapak arkeologi yang ditemui di sepanjang tempat pejalan kaki**

Para pengunjung akan menikmati pemandangan bersejarah melalui tapak-tapak arkeologi yang ditemui di sepanjang tempat pejalan kaki yang merangkumi berikut.

Tapak Perkuburan Lama yang mengetengahkan sembilan kubur lama yang mana dua daripada jumlah tersebut adalah diperbuat daripada batu granit dengan tambak-tambak berbentuk kepingan yang menyerupai tambak Makam Sultan Omar Ali Saifuddin I.

**Kompleks Kota Batu I**

Tapak ini mula digali pada tahun 1986 sehingga 1997 dan telah menimbulkan struktur batu empat segi berukuran 25.8 meter x 25.4 meter.

Tapak Kota Batu II yang terletak di Zon Dua berdekatan dengan Makam Sultan Bolkiah.

Tambak Tanah Kota Batu III yang ditemui pada tahun 1979 / 1980 yang berukuran kira-kira 100 meter panjang dan lima meter lebar. Tapak ini berfungsi sebagai benteng pertahanan dan jalan laluan yang dihubungkan dengan jambatan kayu ke Pulau Terindak.

Tambak ini diperbuat daripada tanah dan pada bahagian bawahnya dilapis dengan batu pasir bagi mengukuhkan struktur binaan. Di sinilah Antonio Pigafetta dan rombongan disambut dan diarak untuk mengadap sultan di istana pada tahun 1521.

Pulau Terindak yang berkeluasan kira-kira 100 meter persegi dan merupakan pulau buatan manusia. Pulau ini berperanan sebagai jeti bagi perahu-perahu kecil yang berkunjung ke Kota Batu, tempat pengumpulan dan pemunggahan barang-barang import dan eksport.

Pulau Terindak juga berfungsi sebagai peninjauan bagi kapal-kapal atau perahu-perahu yang lalu di kawasan Sungai Brunei.

**Peruntukan pembinaan Taman Arkeologi Kota Batu**

Taman Arkeologi Kota Batu dibina melalui peruntukan RKN Ke-8 dan Ke-9 dengan jumlah BND1.3 juta daripada jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak BND2.5 juta.

**Keluasan Taman Arkeologi Kota Batu**

Taman Arkeologi Kota Batu mempunyai keluasan 120 ekar (48.6 hektar) dan merangkumi tiga zon utama, iaitu zon bukit, zon tanah datar dan zon tebing sungai seperti mana yang diwartakan.






TUGU yang menandakan kita telah tiba di Pusat Informasi dan Kompleks Kota Batu I. Bangunan di belakang sebelah kiri ialah pusat informasi yang dimaksudkan.

# Mahasiswa-mahasiswi generasi penerus



SERAMAI 42 mahasiswa dan mahasiswi yang belajar di dalam dan luar negara, iaitu United Kingdom, Mesir, Sultan's Scholar, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan mengikuti Perkampungan Sivik Mahasiswa Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Tahun 2015 Kali Kedua anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Bahagian Dermasiswa, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa berucap pada Sesi Pendaftaran Perkampungan Sivik Mahasiswa Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Tahun 2015 Kali Kedua bertempat di Auditorium Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 22 Ogos. - Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad berkata, Negara Brunei Darussalam sangat beruntung mempunyai rakyat yang berpendidikan tinggi.

Jelasnya, mahasiswa-mahasiswi yang menyertai Perkampungan Sivik Mahasiswa Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Tahun 2015 Kali Kedua adalah generasi penerus yang akan menjadi pemimpin dan penggerak pentadbiran negara.

Pemangku Pengarah Penerangan menyatakan perkara tersebut semasa Sesi Pendaftaran Perkampungan Sivik Mahasiswa Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Tahun 2015 Kali Kedua bertempat di Auditorium Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan, di sini.

Oleh itu, tegasnya, mahasiswa-mahasiswi bukan saja penting dipenuhi dengan ilmu pendidikan, ilmu agama, malah yang berkaitan dengan kenegaraan dan kemasyarakatan.

"Apa yang diharapkan supaya setiap mahasiswa-mahasiswi akan dapat mengikuti program perkampungan ini dengan semangat kental. Timbalah seberapa banyak ilmu dari perkampungan ini dan mengambil peluang ini untuk akan dapat mengukuhkan jati diri sebagai mahasiswa-mahasiswi harapan bangsa dan negara," ujarnya lagi.

Terdahulu, Awang Mawardi menjelaskan, program ini antara lain bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan maklumat terkini mengenai Negara Brunei Darussalam, di samping itu akan dapat membolehkan mahasiswa-mahasiswi mengadakan interaksi dan percambahan fikiran bukan saja dalam kalangan masing-masing, tetapi juga dengan agensi-agensi kerajaan malah masyarakat di mukim dan kampung.

Pada majlis suai kenal tersebut, para mahasiswa-mahasiswi juga diberikan penerangan ringkas mengenai Program Perkampungan Sivik 2015 Kali Kedua yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan dari Jabatan Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim.

Seramai 42 mahasiswa dan mahasiswi yang belajar di dalam dan luar negara, iaitu United Kingdom, Mesir, Sultan's Scholar, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan mengikuti program tersebut yang berjalan selama enam hari, bermula 22 hingga 27 Ogos 2015.

Program merupakan anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Bahagian Dermasiswa, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan kali ini ia diadakan di Daerah Belait.

Semasa menjalani perkampungan, mereka akan didedahkan dengan beberapa sesi taklimat dari beberapa buah agensi kerajaan dan melawat ke beberapa tempat yang menghasilkan produk-produk kampung.

Para mahasiswa dan mahasiswi juga akan melakukan kerja-kerja amal di salah sebuah kampung di Mukim Labi dan kegiatan keagamaan bersama Ahli Takmir Masjid Kampung Labi.

Diperkenalkan sejak tahun 1976, perkampungan kali ini antara lain memberikan ruang untuk berbincang dan memahami keperluan semasa bagi kemajuan bangsa dan negara dalam pelbagai bidang, dan mengingatkan mahasiswa dan mahasiswi supaya sentiasa berwaspada dengan ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan ajaran Islam.



MAHASISWA dan mahasiswi yang belajar di dalam dan luar negara ketika membuat pendaftaran bagi Perkampungan Sivik Mahasiswa Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Tahun 2015 Kali Kedua.

## BIBD terima pelawat pelajar universiti luar negeri

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 19 Ogos. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menerangkan pembentangan ringkas mengenai asas-asas perbankan Islam dan perkembangan terkini BIBD kepada lebih 26 pelajar serta para kakitangan dari King College London, United Kingdom; Universiti Hong Kong dan Universiti Hong Kong Sains dan Teknologi Hong Kong; Universiti Waseda dan Universiti Tokyo Pengajian Asing Jepun, Universiti Daejeon dan Universiti Sookmyung Wanita Korea dan Universiti China Xiamen.

Pembentangan ringkas berkenaan disampaikan sempena lawatan mereka ke salah satu cawangan BIBD di Kiulap.




BANK Islam Brunei Darussalam (BIBD) ketika menerima lawatan daripada lebih 26 pelajar serta para kakitangan dari King College London, United Kingdom; Universiti Hong Kong dan Universiti Hong Kong Sains dan Teknologi Hong Kong; Universiti Waseda dan Universiti Tokyo Pengajian Asing Jepun, Universiti Daejeon dan Universiti Sookmyung Wanita Korea dan Universiti China Xiamen.

## Seminar IBER tarik penyelidik dari Nanjing

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 22 Ogos. - Kuliah bertajuk 'Pokok- Pokok Besar Kawasan Hutan Tropika : Pengedaran dan Fungsi' (Large trees in tropical forests : Distribution and function) antara kertas kerja yang akan disampaikan oleh Dr. Shengbin Chen, iaitu Penyelidik IBER 2014 - 2015 dari Nanjing Institut Sains Alam Sekitar, Kementerian Perlindungan Alam Sekitar Republik Rakyat China.

Perkara itu terkandung dalam seminar anjuran Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar (IBER), Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada 26 Ogos ini pukul 2.30 petang di Bilik Kuliah 1, Aras 2, Blok 'D', Bangunan Sains Bersepadu, UBD.

Menurut Siaran Akhbar IBER, pokok-pokok besar (diameter melebihi 50 sentimeter) baru-baru ini mula menarik perhatian ahli biologi dan pemuliharaan kerana ia semakin jarang berlaku disebabkan hubungan dengan kawasan-kawasan di peringkat habitat global yang menurun.

Pokok-pokok besar yang lama merupakan komponen kunci ekosistem hutan, memberikan ruang bersarang dan berlindung, mewujudkan perbezaan mikro persekitaran, memainkan peranan penting dalam kuasa hidrologi dan menyediakan makanan bagi banyak spesies haiwan.

Pokok-pokok itu juga menyimpan kuantiti karbon yang banyak disebabkan oleh jumlah kayu yang besar dan perubahan dinamik sebagai contoh disebabkan oleh perubahan iklim, oleh itu mungkin mempunyai kesan besar untuk ekosistem hutan dan penyimpanan karbon hutan.

Projek tersebut bertujuan untuk mewujudkan infrastruktur penyelidikan jangka panjang (plot besar hutan di Hutan Simpan Andulau dan sistem kerja) bagi kajian ke atas pokok-pokok tropika.

Kajian Plot dan topik penyelidikan ini akan tertumpu kepada pengedaran pokok besar yang mana plot ini akan menyediakan landasan yang baik dalam kajian tambahan di kedua-dua flora dan fauna bagi UBD serta penyelidik antarabangsa dan pelajar, dan akan berfungsi sebagai mercu tanda projek bagi IBER dan UBD, selain meningkatkan kedudukan dan kewujudan antarabangsa universiti.

Projek akan dikendalikan oleh kakitangan UBD, termasuk Associate Professor Johan Willem Frederik Slik (PI) dan Dr. Rahayu Sukmaria Haji Sukri (co-PI) in Environmental and Life Sciences Programme.

# Salurkan maklumat, kesedaran sivik melalui PENTARAMA





AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis PENTARAMA bagi Daerah Temburong. Juga hadir ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar (kanan), sementara gambar atas dan bawah kanan, antara sketsa drama 'Punggur' dilakonkan oleh barisan pelakon tanah air daripada Kumpulan Putra Seni menyerikan majlis tersebut.

**Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim**

**TEMBURONG**, Sabtu, 22 Ogos. - Dengan matlamat utama menyampaikan maklumat semasa, mendidik dan memberikan kesedaran sivik kepada masyarakat melalui *platform* hiburan yang terpimpin, PENTARAMA anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dilaratkan ke daerah ini bertempat di Pentas Perayaan Padang Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada persembahan PENTARAMA sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 bagi Daerah Temburong ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Juga hadir menyaksikan persembahan, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

| 47. | Dyg Siti Nur Syarah Binti Zahari | 01-059264K (K) |
| 48. | Dyg Siti nuramalina Atikah Binti Tahier | 01-062729K (K) |
| 49. | Dk Siti Nurbainun Binti Pg Lutfi | 01-043987K (K) |
| 50. | Dyg Siti NurHamisah Binti Hamidun | 01-056372K (K) |
| 51. | Dyg Siti Nursalwana Binti Haji Awang | 00-306037K (K) |
| 52. | Dyg Siti Nurul Hafizah Binti Sulaiman | 01-077802K (K) |
| 53. | Dyg Siti Nurul Haziqah Binti Hj Muskapah | 01-047142K (K) |
| 54. | Dyg Siti Nurzafirah Binti Haji Razalie | 00-319656K (K) |
| 55. | Dyg Siti Radzyiah Binti Hj Roslan | 01-031923K (K) |
| 56. | Dyg Siti Rahimah Binti Rahmat | 01-055413K (K) |
| 57. | Dyg Siti Ramlah Binti Haji Mohamed Tahir | 00-255954K (K) |
| 58. | Dyg Siti Rasyidah Binti Hj Muskapah | 00-322404K (K) |
| 59. | Dk Siti Ruzanna Binti Pg Hj Sabtu | 00-316096K (K) |
| 60. | Dyg Siti Sabarianah Binti Ramli | 01-051548K (K) |
| 61. | Dyg Siti Salmiah Binti Hussin | 01-050634K (K) |
| 62. | Dyg Siti Salwani Binti Mahmud @ Siti Wana | 01-036834K (K) |
| 63. | Dyg Siti Shamsiah Binti Haji Awg Mohamad | 00-313159K (K) |
| 64. | Dyg Siti Syakirah Binti Suffari | 01-056429K (K) |
| 65. | Dyg Siti Wasilah Binti Hj Mohd Fadillah | 01-043299K (K) |

## JADUAL TEMUDUGA SKIM PERUMAHAN NEGARA DAERAH BRUNEI DAN MUARA TAHUN 2014 (ONLINE)

==============================================================

**TARIKH TEMUDUGA : 07hb. September 2015 ( Hari Isnin )** **JAM : 8.30 PAGI**

| BIL. | NAMA PEMOHON | NO. K/P |
|---|---|---|
| 1. | Dyg Siti Zaiton Binti Hj Abdul Rahman | 00-252946K (K) |
| 2. | Dyg Siti Zawani Binti Zainal | 01-063305K (K) |
| 3. | Dyg Soffian Bin Haji Morsidi | 00-300005K (K) |
| 4. | Dyg Soffiana Binti Haji Morsidi | 01-039344K (K) |
| 5. | Dyg Sofiana Binti Ahmad | 01-033741K (K) |
| 6. | Awg Soon Boon Kiat | 01-033913K (K) |
| 7. | Dyg Suhaila Binti Haji Mohd Hussin | 00-313305K (K) |
| 8. | Dyg Suhailah Binti Ali | 01-051241K (K) |
| 9. | Dyg Suhana Binti Hamdan | 00-321142K (K) |
| 10. | Dyg Suhana Binti Labar | 00-299748K (K) |
| 11. | Awg Sujiman Bin Mejari | 01-068566K (K) |
| 12. | Dyg Sullvina binti Sirul | 00-276081K (K) |
| 13. | Awg Sumerarji Bin Hj Superapto | 00-310985K (K) |
| 14. | Awg Supen Supian Bin Serudin | 00-258033K (K) |
| 15. | Dyg Suriawati Binti Marali | 00-264103K (K) |
| 16. | Dyg Surinah Binti Sabli/Sablee | 00-291619K (K) |
| 17. | Dyg Suriyantini Binti Hj Ahmad | 00-273729K (K) |
| 18. | Dyg Suryani Binti Harun | 00-306419K (K) |
| 19. | Dyg Suryani Binti Tamin | 00-275105K (K) |
| 20. | Dyg Suryanti Binti Tamin | 00-299414K (K) |
| 21. | Dyg Susanti Binti Tamin | 00-293823K (K) |
| 22. | Dyg Suzainah Binti Hj Abu Bakar | 00-287917K (K) |
| 23. | Dyg Suziana Binti Mohd Yusop | 00-305224K (K) |
| 24. | Dyg Syaffa Khairunnisa Binti Isham Sha | 01-057994K (K) |
| 25. | Dk Vivi Merdiana Binti Pg Shahminan | 00-312906K (K) |
| 26. | Dyg Vivi Shah Liyana Binti Hj Rahim | 01-038214K (K) |
| 27. | Dyg Wahyuni Binti Wahit | 01-062746K (K) |
| 28. | Dyg Wallina Binti Bohari | 00-302622K (K) |
| 29. | Dyg Wee Gabriel Vui Ming | 01-042050K (K) |
| 30. | Awg Wismawanddy Bin Haji Omar | 00-275070K (K) |
| 31. | Awg Yong Pei Tien | 01-074177K (K) |

## JADUAL TEMUDUGA SKIM PERUMAHAN NEGARA DAERAH BRUNEI DAN MUARA TAHUN 2014 (ONLINE)

==============================================================

**TARIKH TEMUDUGA : 07hb. September 2015 ( Hari Isnin )** **JAM : 8.30 PAGI**

| BIL. | NAMA PEMOHON | NO. K/P |
|---|---|---|
| 32. | Dyg Zahana Binti Naidi | 00-269996K (K) |
| 33. | Awg Zainulariffin Bin Rashidi | 01-036911K (K) |
| 34. | Awg Zaki Bin Jumat | 00-294830K (K) |
| 35. | Dyg Zalifah Aswana Binti Talip | 00-286050K (K) |
| 36. | Awg Zekurnainnursaifullah Bin Ahmad Laini | 00-320319K (K) |
| 37. | Awg Zukry Bin Jumat | 00-277240K (K) |
| 38. | Ak Zul Firki Ryimadhan Bin Pg Hj Hamdani | 01-036771K (K) |
| 39. | Awg Zulazri Bin Gapor | 00-314996K (K) |
| 40. | AK Zulfakhri Bin Pg Omarali | 00-312296K (K) |
| 41. | Awg Zulhilmi Bin Tom | 01-034127K (K) |
| 42. | Awg Zulhilmi Bin Zainal Abidin | 00-312372K (K) |
| 43. | Awg Zulkifli@ Fauzi Bin Jumat | 00-315578K (K) |
| 44. | Dyg Zuraidah Binti Haji Suhailee | 00-284226K (K) |
| 45. | Dyg Zurairah Binti Hj Md Salleh | 00-307812K (K) |
| 46. | Pg Anak Zurratul Mazyyah Binti Pg Anak Hj Mohd Yassin | 01-032788K (K) |

## JABATAN PENGAJIAN ISLAM
## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

### JABATAN PENGAJIAN ISLAM
### KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
### NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

| BIL. SEBUTHARGA | KETERANGAN | BAYARAN DOKUMEN |
|---|---|---|
| KHEU / JPI / JKS / 16 / 2015 – 2016 | Membekal Dan Menghantar Toner Printer Bagi Kegunaan Printer-Printer Jabatan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1436H-1437H / 2015M – 2016M | *Tidak dikenakan sebarang Bayaran* |

### JABATAN PENGAJIAN ISLAM
### KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
### NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

| BIL. SEBUTHARGA | KETERANGAN | BAYARAN DOKUMEN |
|---|---|---|
| KHEU / JPI / JKS / 17 / 2015 – 2016 | Mencetak, Membekal Dan Menghantar Buku Teks Darjah Pra, I & II Persekolahan Ugama Bagi Sesi Pembelajaran Tahun 2016, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1436H-1437H / 2015M – 2016M | *Tidak dikenakan sebarang Bayaran* |

### JABATAN PENGAJIAN ISLAM
### KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
### NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

| BIL. SEBUTHARGA | KETERANGAN | BAYARAN DOKUMEN |
|---|---|---|
| KHEU / JPI / JKS / 19 / 2015 – 2016 | Membekal, Menghantar, Memasang Dan Menguji Meeting Discussion System Bagi Bilik Mensyuarat, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1436H-1437H / 2015M – 2016M | *Tidak dikenakan sebarang Bayaran* |

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA**

**SYARAT-SYARAT, PANDUAN DAN MAKLUMAT :**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar dan terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Pemohon-Pemohon yang berkhidmat dengan kerajaan atau syarikat-syarikat swasta yang berhubungkait dengan kerajaan seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airlines (RBA) dan seumpamanya tidak akan diterima.

3. Pemohon-Pemohon mestilah membawa bersama salinan SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17 serta COP SYARIKAT semasa mengambil Borang Sebut Harga.

4. Borang Sebut Harga bolehlah diperolehi di :-

**Bahagian Kewangan**
**Jabatan Pengajian Islam**
**Kementerian Hal Ehwal Ugama**
**Tingkat 4, Blok 2 I**
**Jalan Ong Sum Ping**
**Bandar Seri Begawan, BA1311**
**Negara Brunei Darussalam.**

5. Pemohon hendaklah menggunakan BORANG ASAL yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

6. Bagi syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berminat untuk mengikuti sebut harga ini hendaklah menyertakan dan menghadapkan SALINAN SIJIL PENDAFTARAN 16 & 17 yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

7. Setiap Borang Sebut Harga hendaklah diisi dengan lengkap dan dicap syarikat dengan menggunakan dakwat berwarna BIRU sahaja.

8. Borang Sebut Harga serta salinan dan SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17 hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup (*sealed envelope*) dengan menulis, TAJUK & BILANGAN SEBUT HARGA DAN TARIKH TUTUP tanpa membubuh sebarang pengenalan atau identiti syarikat / pemborong.

9. Dan hendaklah dikembali dan dimasukkan ke dalam PETI SEBUT HARGA yang ditujukan kepada :-

**PENGERUSI**
**Jawatankuasa Sebut Harga**
**Tingkat 1, Bahagian Kewangan**
**Kementerian Hal Ehwal Ugama**
**Jalan Menteri Besar, BB3910**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh tutup tidak lewat pada :-**
**Hari Rabu, 18 Zulkaedah 1436H / 2 September 2015M**
**tidak lewat jam 2.00 Petang.**

**10. TARIKH AKHIR MENGAMBIL BORANG SEBUT HARGA ADALAH PADA :-**
**Hari Sabtu, 14 Zulkaedah 1436H / 29 Ogos 2015M**
**tidak lewat jam 2.00 Petang.**

11. Setiap satu Borang Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat.

12. Borang Sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan TIDAK AKAN DILAYAN.

13. Berikut adalah masa-masa bagi mengambil Borang-Borang Sebut Harga:-

**ISNIN hingga KHAMIS; dan SABTU**
**8.00 Pagi - 11.30 Pagi**
**2.00 Petang - 4.00 Petang**

---

**LAMPIRAN A**

**JABATAN LAUT**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN SEBUTHARGA:**

| No. | Tajuk Sebutharga | Bilangan Sebutharga | Tarikh Iklan | Tarikh Tutup / masa |
|---|---|---|---|---|
| 1. | TO SUPPLY, DELIVERY AND COMMISSIONING OF PRINTER AND ACCESSORIES FOR EXAMINATION & CERTIFICATION SECTION | 006/JL/SH/2015/2016 | 26-08-2015<br>29-08-2015<br>31-08-2015 | 16-09-2015 / 2.00 PM |

**Syarat-Syarat Tawaran Sebut Harga :-**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong / syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Keterangan skop kerja berkenaan bolehlah diambil semasa waktu bekerja dari jam 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi dan 1.30 Petang hingga 3.00 Petang dan hari Sabtu 8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi daripada Bahagian Kewangan, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Jalan Serasa, Muara BT1728, Negara Brunei Darussalam.

Dokumen berkenaan bolehlah diambil bermula pada **26 Ogos 2015**. Yuran sebanyak **BND5.00** dikenakan bagi setiap sebut harga.

3. Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

4. Tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) tanpa menyatakan nama pemborong yang bertanda 'TAJUK-TAJUK TAWARAN' di bahagian atas sebelah kiri dan dihantar kepada alamat berikut :

**PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUT HARGA**
**JABATAN LAUT**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**
**KAWASAN PERINDUSTRIAN SERASA, MUARA, BT1728**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

5. Sampul surat hendaklah dimasukkan ke dalam Kotak Sebut Harga, Tingkat Bawah, Kaunter Penyambut Tetamu, Jabatan Laut. Semua tawaran hendaklah sampai ke alamat yang dinyatakan.

6. Pemborong yang berjaya akan menjalankan kerja-kerja berkenaan dalam tempoh seperti yang di dalam skop kerja berkenaan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima sebarang tawaran yang tertinggi atau apa-apa jua bentuk tawaran.

8. Syarikat-Syarikat hendaklah menyertakan dokumen-dokumen berikut dengan lengkap yang berdaftar dan masih sah di Negara Brunei Darussalam :-

i. Lesen Perniagaan 16 / 17
ii. Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal daripada Kementerian Pembangunan.
iii. Daftar Pemilik Syarikat (Borang X).

9. Syarikat-Syarikat yang ikut serta adalah dikehendaki untuk menetapkan tempoh sah laku selama enam (6) bulan daripada tarikh tutup tawaran.

10. Sebarang pertanyaan dan penerangan lanjut bolehlah menghubungi talian **2771347 sambungan 270.**

---

## MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA/101/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **AMNAH BINTI LAJIM** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH AMINAH BINTI HAJI RAJAB @ HAJAH ISAH** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **1 SEPTEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.**

Orang-Orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : **12 Ogos 2015.**

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA/102/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **BOSTAMAM BIN HAJI ABDUL WAHID** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI ABDUL WAHID BIN HAJI RAJAB** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **1 SEPTEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.**

Orang-Orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : **12 Ogos 2015.**

**(MUHAMMAD AMIN LIM CHING)**
**Penolong Pegawai Waris**
**Negara Brunei Darussalam**

**MAHKAMAH TINGGI**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALKAM**

**KEBANKRAPAN NO. 371 TAHUN 2012**

**HSBC FINANCE (B) BHD.**

**... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Vs**

**ABDUL LATIF BIN HAJI MOHIDDIN**

**(BYIC NO. 119833)**

**... Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **2 Julai 2015.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :
**ABDUL LATIF BIN HAJI MOHIDDIN**
No. 9, Blk G9, Flat Beribi Gadong, BE1118, Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 11 Oktober 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **2 Julai 2015.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **12 Ogos 2015, jam 2.30 Petang.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **12 Ogos 2015, jam 2.30 Petang.**

Bertarikh : 1 Ogos 2015

**KEBANKRAPAN NO. 185 TAHUN 2014**

**HSBC FINANCE (B) BHD.**

**... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Vs**

**RASADI BIN SAMIT**

**(RBAF I/C NO. 265981)**

**... Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **16 April 2015.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :
RASADI BIN SAMIT
G-80, Lorong 100, Penanjong Kem Tutong, TA2741, Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 25 September 2014

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **14 April 2015.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **17 September 2015, jam 3.30 Petang.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **17 September 2015, jam 3.30 Petang.**

Bertarikh : 1 Ogos 2015

**KEBANKRAPAN NO. 282 TAHUN 2014**

**ONN SIEW SIONG**

**... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Vs**

**YONG SIONG HAI**

**(BYIC NO. 00-042067)**

**... Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **20 Jun 2015**

Nama dan alamat terakhir diketahui :
YONG SIONG HAI
No : 1, Bangunan Yong Siong Hai, Simpang 137, Jalan Gadong, BF3379
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 25 Februari 2015

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **20 Jun 2015.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **10 Ogos 2015, jam 9.00 Pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **10 Ogos 2015, jam 9.00 Pagi.**

Bertarikh : 27 Julai 2015

**KEBANKRAPAN NO. 267 TAHUN 2013**

**BIBD AT-TAMWIL BHD**

**... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Vs**

**HAJI ABDUL AZIZ**
**BIN HAJI MOHD. ALI**

**(BYIC NO. 00-0275840)**

**... Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **30 April 2015.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :
HAJI ABDUL AZIZ BIN HAJI MOHD. ALI
No : 5, Simpang 90, Jalan Maulana, Kuala Belait, KA1931, Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 16 November 2013

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **30 April 2015.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **13 Ogos 2015, jam 9.30 Pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **13 Ogos 2015, jam 9.30 Pagi.**

Bertarikh : 27 Julai 2015

**KEBANKRAPAN NO. 203 TAHUN 2014**

**HSBC FINANCE (B) BHD.**

**... Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Vs**

**MUHAMMAD KHAIRUL ADLAN**
**BIN ABDULLAH MIKOT**

**(BYIC NO. 00-282646)**

**... Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **26 Mac 2015**

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**MUHAMMAD KHAIRUL ADLAN BIN ABDULLAH MIKOT**

No : 17, Blok A, Barek Polis Muara, Muara, BT1128, Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 19 Disember 2014

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **26 Mac 2015.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **12 Ogos 2015, jam 9.45 Pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **12 Ogos 2015, jam 9.45 Pagi.**

Bertarikh : 11 Julai 2015

b) Semua si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-Proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**

**Mahkamah Besar**

**MAHKAMAH PEGAWAI WARIS**
**BANDAR SERI BEGAWAN DAN TEMBURONG**

**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA/103/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MATSAHAR BIN AHAD** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **AJIAH BINTI AHAD** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK BERADIK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **1 SEPTEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.**

Orang-Orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.
Tarikh : **12 Ogos 2015.**

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA/173/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **ADRIAN TAN VUI SHUNG** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **CHIN MEI FONG** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **15 SEPTEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.**

Orang-Orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.
Tarikh : **13 Ogos 2015.**

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA/172/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **MARIDAH BINTI HAJI BAIR** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ADANAN BIN IBRAHIM** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **15 SEPTEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.**

Orang-Orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.
Tarikh : **17 Ogos 2015.**

**(MUHAMMAD AMIN LIM CHING)**
***Penolong Pegawai Waris***
***Negara Brunei Darussalam***

**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS TEMBURONG**

**SURAT KUASA PUSAKA : NO. TEMB/LA/05/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **HASMINAH BINTI ABDULLAH @ DEMI ANAK KUDI** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI HASSAN BIN HAJI ABDULLAH** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **26 SEPTEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.**

Orang-Orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.
Tarikh : **19 Ogos 2015.**

**MUHAMMAD HARDY IMAN**
**BIN MUHAMMAD**
**PENDAFTAR MAHKAMAH RENDAH**
**B/p. TIMBALAN PEGAWAI WARIS**
**TEMBURONG**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

# Daler Vakhidov juara catur



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman menyampaikan hadiah kepada Daler Vakhidov, peserta muda dari Uzbekistan yang dinobatkan juara Kategori Terbuka Perlawanan Catur sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Azmah Haji Ahad, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 23 Ogos. - Daler Vakhidov membuktikan kehebatannya apabila dinobatkan sebagai juara Kategori Terbuka Perlawanan Catur sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69.

Peserta muda dari Uzbekistan itu begitu berbakat setelah berjaya mengutip 7.5 mata sehingga menempatkan dirinya di puncak teratas setelah bertanding dalam sembilan pusingan mengikut Sistem Swiss.

Sementara Yap Choow Tun pula berjaya memenangi bagi Kategori 50 Tahun Ke Atas, manakala Md. Syahmi bin Badaruddin dan Kamarul Ariffin bin Haji Kifli pula masing-masing memenangi Kategori Di Bawah 18 dan 14 Tahun.

Hadir menyampaikan hadiah di Pusat Catur Brunei di sini ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Seramai 34 peserta dari tujuh buah negara, iaitu Negara Brunei Darussalam, England, Filipina, Indonesia, Malaysia, Uzbekistan dan Wales beraksi pada kejohanan yang dianjurkan bersama Ahli Jawatankuasa Kejohanan Catur Daerah Brunei dan Muara dan Persekutuan Catur Brunei (BCF).

Pelita Brunei sempat menemu bual peserta muda, iaitu Sufi Alfian bin Salbi, 10, sangat seronok menyertai perlawanan itu dan dari situ sebagai pendedahan buat pencatur muda itu dalam memperbaiki permainan untuk beraksi dengan mereka yang berpengalaman.

Murid yang belajar di Sekolah Rendah Pulaie itu mula diperkenalkan permainan catur oleh guru sekolahnya, Awang Kamis dan dari situ mula bergiat aktif sejak kebelakangan ini.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman ketika hadir menyaksikan Perlawanan Catur sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 (atas).



PESERTA muda negara, Awang Sufi Alfian bin Salbi, 10 tahun, pelajar dari Sekolah Rendah Pulaie, sangat seronok menyertai Perlawanan Catur sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (kanan).

# Museums Race Brunei uji minda



ANTARA pasukan yang cuba mencari sasaran dalam acara 'Museums Race Brunei' (atas dan bawah).

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Ahad, 23 Ogos. - Bagi mengenalkan tempat-tempat warisan dan bersejarah kepada orang awam melalui aktiviti-aktiviti yang mencabar dalam bentuk fizikal serta menguji minda lebih 80 pasukan berentap dalam acara 'Museums Race Brune'.

Lokasi kedua perlumbaan tersebut diadakan di Taman Warisan Tasek Merimbun, di sini.

Acara perlumbaan tersebut sempena memperingati Sambutan Jubli Emas Penubuhan Jabatan Muzium-Muzium (1965-2015).

Perlumbaan yang mengandungi empat orang sepasukan ini merupakan kesinambungan daripada perlumbaan yang diadakan pada 16 Ogos yang lalu yang melibatkan zon-zon yang telah dikenal pasti dan menerokai tempat-tempat bersejarah di seluruh negara.

'Museums Race Brunei' akan berakhir pada 30 Ogos nanti dengan majlis penyampaian hadiah yang mana pasukan tiga teratas akan membawa pulang hadiah berupa tiket penerbangan.

Antara lain tujuan perlumbaan itu diadakan bagi menambah pengetahuan mengenai budaya negara ini, di samping dapat mengenal lebih dekat muzium-muzium dan galeri yang ada serta mengetahui bidang tugas yang dilaksanakan.



# Rondaan pencegahan jenayah di Kampung Lamunin

**TUTONG**, Khamis, 20 Ogos. - Anggota Balai Polis Lamunin yang diketuai oleh Inspektor Muhammad Adzimin bin Haji Ibrahim telah mengadakan rondaan pencegahan jenayah bersama Pengawasan Kejiranan Kampung Lamunin di sekitar kawasan kampung tersebut.

Rondaan disertai oleh Ketua Kampung Lamunin, Mejar (B) Mohd. Said bin Haji Tinggal.

Sebelum rondaan dijalankan, satu taklimat diadakan mengenai situasi jenayah kampung tersebut serta perkara-perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh ahli Pengawasan Kejiranan semasa membuat rondaan. Rondaan yang bermula pukul 10.00 malam itu berakhir kira-kira pukul 12.00 tengah malam.

Pasukan Polis Diraja Brunei mengalu-alukan penglibatan orang ramai untuk menyertai Pengawasan Kejiranan kampung dengan mendapatkan borang keahlian Pengawasan Kejiranan melalui ketua kampung di kawasan masing-masing.

Dengan penglibatan orang ramai melalui Pengawasan Kejiranan itu nanti diharap akan dapat membantu kampung mereka bebas daripada jenayah dan menjadikan rumah mereka selamat untuk didiami.



ANGGOTA Balai Polis Lamunin yang diketuai oleh Inspektor Muhammad Adzimin bin Haji Ibrahim mengetuai rondaan pencegahan jenayah bersama Pengawasan Kejiranan Kampung Lamunin yang disertai oleh Ketua Kampung berkenaan, Mejar (B) Mohd. Said bin Haji Tinggal.

# Timor Leste tewaskan Republik Filipina 4 - 2



PERLAWANAN Festival Bola Sepak Serantau di bawah umur 14 tahun 2015 (AFC U-14) di antara pasukan Timor Leste (jersi putih) pasukan Filipina (jersi biru) yang berlangsung di Balapan dan Padang, Berakas.

**Oleh : Haji Mahmud Hafidzie Haji Ali Mashod**
**Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 21 Ogos. - Pasukan Timor Leste berjaya menewaskan pasukan Republik Filipina 4-2 pada Festival Bola Sepak Serantau di bawah umur 14 tahun 2015 (AFC U-14) di Kompleks Sukan Berakas, di sini.

Perlawanan tersebut merupakan perlawanan ketiga bagi pasukan Timor Leste selepas menang menentang pasukan Myanmar dan tewas kepada pasukan Malaysia.

Sementara pasukan Republik Filipina turun bagi perlawanan kedua selepas berjaya menewaskan pasukan Negara Brunei Darussalam.

Pasukan Timor Leste lebih awal mencatur serangan kepada pasukan lawan sehingga pada minit ke-6 percubaan Filomeno Fatima P. Fernandes Araujo hampir membolosi gawang tetapi rembatan kencang itu melimpasi palang.

Kemudian percubaan penyerang pasukan Timor Leste berjaya ditepis oleh penjaga gol pasukan Republik Filipina, Bitor Ronald Addie Lago pada minit ke-19.

Pasukan Timor Leste membuka tirai jaringan pada minit ke-37 hasil tandukan Nivio Maro Angelo Da C.M. Alberto namun pasukan Republik Filipina pantas menyamakan kedudukan seminit selepas itu menerusi jaringan cantik Delima Rob Cyroq Barcuma.

Tersentak dengan jaringan penyamaan itu, pasukan Timor Leste meningkatkan lagi serangan sehingga berjaya mendahului pasukan Republik Filipina pada minit ke-45 menerusi tandukan Benny Francisco Gomes Morias Ribeiro selepas menerima hantaran lintang rakan sepasukannya.

Dua minit kemudian sekali lagi Da C.M.Alberto berjaya menjaringkan gol ketiga pasukan Timor Leste.

Mateus Mithelio Madeira Soares Hornai membuat kesilapan dengan menjaringkan gol sendiri bagi pada minit ke-60 perlawanan menjadikan kedudukan 3 - 2.

Pada saat-saat akhir perlawanan akan ditamatkan Rivaldo Dos Santos Pereira berjaya menjaringkan gol keempat bagi pasukan Timor Leste untuk memastikan kemenangan mutlak mereka.



PEMAIN Timor Leste (jersi putih) semasa mengawal bola dari dirampas oleh pemain Filipina (jersi biru) dalam perlawanan Festival Bola Sepak Serantau di bawah umur 14 tahun 2015 (AFC U-14) yang berlangsung di Balapan dan Padang, Berakas.

# Tuan rumah akur kekalahan 0 - 8

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 21 Ogos. - Faktor pengalaman membatasi perjuangan pasukan muda Negara Brunei Darussalam yang tewas teruk 0 - 8 kepada pasukan Malaysia pada Festival Bola Sepak Serantau B-14 (AFC 2015).

Kekalahan itu meranapkan hasrat pasukan didikan jurulatih Brunei, Fujiwara Takao untuk meraih mata sulung setelah tewas 0 - 3 kepada pasukan Filipina dan dikalahkan 2 - 3 oleh pasukan Myanmar.

Malaysia membuka tirai jaringan menerusi sentuhan Muhammad Irfan Faiz bin Mohd. Shaharuddin seawal minit kelima sebelum Muhammad Muizuddin bin Nazrol menyumbat gol kedua hasil umpanan dari sepakan sudut.

Pasukan tuan rumah mula bangkit setelah ketinggalan 0 - 2 tetapi gagal memperolehi jaringan sebaliknya Malaysia terus menggandakan jaringan menerusi dua jaringan selang seminit oleh Muhammad Izzat Zikri bin Iziruddin pada minit ke-39 dan 40.

Malaysia terus berpesta jaringan menerusi jaringan hatrik, Muhammad Fadil bin Abdullah pada minit ke-45, 54 dan 57.



PASUKAN Brunei Darussalam semasa bertemu Malaysia dalam Festival Bola Sepak Serantau B-14 (AFC 2015).

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

Pasukan tuan rumah bagai tertekan sehingga pemain pertahanan, Mohd. Aiman Al-Azeez bin Haji Abdullah tertolak bola ke gawang sendiri pada minit akhir perlawanan sekali gus menghadiahkan kemenangan besar buat pasukan anak didik, Richard Nelson Scully.

Fujiwara Takao berkata, anak didiknya telah mempamerkan permainan terbaik di mana mereka mempunyai ketahanan fizikal dan kepantasan yang bagus.

Walaupun mengalami kekalahan di tangan Malaysia, namun beliau tetap berbangga dengan pencapaian anak didiknya itu dan melihat bahawa para pemain Malaysia juga mempamerkan permainan yang sangat baik pada malam itu.

Selepas ini, jelasnya, beliau akan cuba lagi mengubah rentak permainan pasukannya untuk lebih tangkas di padang.

"Kami mempunyai semangat juang yang tinggi (*fighting spirit*), tetapi jika itu tidak mencukupi maka kami akan cuba untuk menguasai perlawanan," ujarnya.

Sementara itu, pada perlawanan antara pasukan Filipina dengan Myanmar berakhir dengan kemenangan pasukan Filipina 2 - 0.



PASUKAN tuan rumah mempamerkan permainan baik, walaupun kalah teruk oleh pasukan Malaysia.

# Thailand tumpaskan Singapura 5 - 1

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**BERAKAS**, Sabtu, 22 Ogos. - Pasukan Thailand berjaya menumpaskan pasukan Republik Singapura 5 - 1 pada Festival Bola Sepak Serantau di bawah umur 14 tahun 2015 (AFC U-14) di Balapan dan Padang Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Pembuka tirai gol babak pertama didahului oleh pasukan Thailand yang mana pemain jersi 13, Phandungkiat Artkitkarn berjaya menyumbat bola ke gawang Republik Singapura pada minit 11 dan juga pada minit ke-21.

Penyokong pasukan Thailand terus bergembira apabila jersi 9, Kantapot Kirilang pula menambah jaringan pada minit 22 bagi pasukan tersebut dan sekali gus meninggalkan pasukan Republik Singapura 3 - 0.

Walau bagaimanapun, pemain pasukan Republik Singapura terus bangkit dan jersi 24, Muhammad Zamani bin Muhammad Zamri terus menyudahkan bola ke gawang Thailand untuk memberi gol pertama kepada pasukannya.

Azam para pemain Republik Singapura untuk menambah jaringan terus tersasar, malah pemain pasukan Thailand jersi 12, Achitpol Keereerom menambah lagi gol dalam minit 33 babak kedua perlawanan.

Jersi 13, Phandungkiat Artkitkarn sekali lagi menjadi wira bagi pasukan Thailand setelah menjaringkan gol pada minit 48 sekali gus menundukkan pasukan lawan Republik Singapura sehingga ke akhir perlawanan dengan jaringan 5 - 1.



ANTARA aksi bahaya depan pintu gol pertemuan Thailand melayan Singapura yang berkesudahan Thailand menang 5 - 1.

# Persiapkan diri untuk dapatkan haji mabrur



**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong ketika hadir pada Majlis Doa Kesyukuran dan Doa Selamat Bagi Bakal-Bakal Jemaah Haji Kementerian Pendidikan (kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Ogos. - Haji yang mabrur itu adalah balasan dan ganjaran pahala di sisi Allah Subhanahu Wata'ala apabila seseorang itu memperolehi haji yang mabrur iaitu syurga Allah Subhanahu Wata'ala yang mana ia merupakan satu kenikmatan yang dicari oleh tetamu-tetamu Allah.

Seterusnya, haji yang mabrur itu dipercayai Allah Subhanahu Wata'ala kepada seseorang yang tidak bercampur dengan maksiat.

Perkara itu antara inti pati yang digariskan dalam ceramah khas bertajuk 'Memperolehi Haji Yang Mabrur' pada Majlis Doa Kesyukuran dan Doa Selamat Bagi Bakal-Bakal Jemaah Haji Kementerian Pendidikan di Dewan Utama, Jabatan Perkembangan Kurikulum, kementerian berkenaan.

Ketua Unit Hal Ehwal Perhubungan Awam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Sammali bin Haji Adam dalam ceramahnya turut mengongsikan bagaimana untuk mendapatkan haji yang mabrur itu iaitu dengan niat yang ikhlas, bertaubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan sebagainya.

Oleh itu, beliau menyeru kepada bakal jemaah haji kementerian tersebut supaya akan dapat mempersiapkan diri untuk mendapatkan haji yang mabrur.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang juga menyempurnakan penyampaian cenderahati kepada seramai 41 bakal jemaah haji terdiri daripada 14 lelaki dan 27 wanita di bawah kementerian berkenaan.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Kapok, Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud dan kemudiannya bacaan doa kesyukuran serta doa selamat.

Majlis tersebut merupakan anjuran Pusat Kerjasama Sains dan Teknologi dan Alam Sekitar (STEP) dan Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan.



KETUA Unit Hal Ehwal Perhubungan Awam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Haji Sammali bin Haji Adam ketika menyampaikan ceramahnya dalam majlis berkenaan (kanan).

# Persembahan bunga api mewarnai Taman Permainan Jerudong



PENOLONG Kanan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Mohd. Yusof dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-69 ketika hadir menyaksikan Pertunjukan Bunga Api di Taman Permainan Jerudong (atas).

**Oleh : Haji Mahmud Hafidzie Haji Ali Mashod**
**Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali**

JERUDONG, Isnin, 24 Ogos. - Taman Permainan Jerudong dan sekitarnya malam ini diwarnai dengan taburan bunga api yang dipersembahkan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 yang dilepaskan di Taman Permainan Jerudong di sini.

Pertunjukan bunga api yang berlangsung kira-kira 15 minit itu berjaya memukau orang ramai yang mengunjungi taman permainan tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan pertunjukan bunga api tersebut ialah Penolong Kanan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Mohd. Yusof dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-69.

Seramai 50 kanak-kanak daripada Pusat Bahagia dijemput hadir menyaksikan pertunjukan bunga api tersebut.

Acara turut dimeriahkan dengan gerai-gerai perayaan yang diadakan di persiaran dan taman permainan berkenaan bagi kunjungan orang awam.

Seperti lazimnya persembahan bunga api ini turut memeriahkan setiap Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM.



TABURAN bunga api mewarnai Taman Permainan Jerudong (kiri).

## Festival Hari Belia 2015:

# Tawarkan peluang keusahawanan

Dari muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-69 baru-baru ini menekankan pentingnya memiliki satu asas penting dalam ekonomi iaitu kebolehan untuk merebut peluang.

"Peluang itu biasanya hanya sekali. Ia jarang berulang. Jika kita tidak merebutnya, kita akan ditinggalkan jauh begitu saja," titah baginda.

Festival yang akan diadakan sewaktu cuti persekolahan itu dijangka akan menarik kunjungan lebih daripada 20,000 pengunjung berdasarkan statistik pengunjung pada tahun lepas.

Ia dibukakan untuk kunjungan orang ramai bermula pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam kecuali hari Jumaat pada pukul 2.00 petang hingga 10.00 malam.

Pelbagai aktiviti akan disediakan di antaranya Pesta Buah dan pencarian Raja Durian; Malam Cinta Allah dan Rasulullah; Perlawanan Futsal; 'Tallest Slide Bouncer in Brunei'; Perlawanan 'Play Station 4'; Persembahan Nasyid dan Tausyeh daripada artis tempatan dan luar negara dan lain-lain.

Keterangan lanjut mengenai petak-petak gerai dan bazar jualan bolehlah menghubungi Pengurus Acara Rasmi iaitu Perkhidmatan Pemasaran dan Pengurusan Battle Pro (BPRO Marketing and Management Services) melalui talian 8823425 atau melalui Facebook : Battle Pro Marketing & Management Services dan akaun Instagram : BattleProMMS.

**TANAMKAN SIKAP BERTOLAK ANSUR KETIKA BERADA DI JALAN RAYA**

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجان، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.